



MALAYSIA
TERMA & DASAR

Tarikh Kuat Kuasa Rasmi: 31 Januari 2022



© Copyright 2021 USANA Health Sciences, Inc.
USANA Associates are hereby granted permission
to reproduce any article that appears in this piece
for personal use, provided the article is reprinted in its entirety
and the reprint bears the following notice: "Reprinted with
the permission of USANA Health Sciences, Inc.,
Salt Lake City, UT 84120 U.S.A."

TERMA & DASAR

1. Permohonan untuk Menjadi Pengedar.....	2	36. Jualan Runcit.....	10
2. Kelayakan untuk Berkontrak dan Umur Minimum.....	2	37. Komisen dan Pelarasan.....	10
3. [DIKHASKAN].....	2	38. Penghantaran dan Risiko Kerugian.....	10
4. Pendaftaran Sementara.....	2	39. Dasar Pemulangan.....	10
5. Hak dan Keistimewaan Pengedar.....	2	40. Pulangan Pembatalan.....	11
6. Status Kontraktor Bebas.....	2	41. Pulangan disebabkan oleh Penyalahgunaan.....	11
7. Penamatan oleh Pengedar.....	2	42. Terma dan Pembaharuan Perniagaan USANA.....	11
8. Kepatuhan kepada Pelan Ganjaran.....	3	43. Siasatan dan Notis Pelanggaran Dasar.....	11
9. Bahan Buatan Pengedar.....	3	44. Pematuhan.....	11
10. Dakwaan Produk.....	3	45. Proses Rayuan.....	11
11. Gambaran Pendapatan dan Gaya Hidup.....	3	46. Kesan Penamatan.....	12
12. Media Sosial.....	4	47. Perlindungan Maklumat Sulit.....	12
13. Harga Minimum yang Diiklankan.....	4	48. Tanggungan rugi.....	12
14. Permintaan E-mel.....	4	49. Pindaan.....	12
15. Pertanyaan Media.....	5	50. Andaian Risiko.....	12
16. Harta Intelek.....	5	51. Penepian Perubahan Penajaan.....	13
17. Penggunaan Nama Pengedar, Persamaan, dan Gambar.....	5	52. Perjanjian Bersepadu.....	13
18. Kedai Perkhidmatan.....	6	53. Force Majeure.....	13
19. Jualan dalam Talian.....	6	54. Pemisahan.....	13
20. Perekrutan Tanpa Kebenaran; Penyertaan dalam Syarikat Jualan Langsung Lain.....	6	55. Keberterusan.....	13
21. Produk Bersaing dan Ketidakpengumpanan.....	6	56. Penepian.....	13
22. Serbuan Silang Baris.....	7	57. Tiada Pergantungan.....	13
23. Tidak meremehkan.....	7	58. Tajuk.....	13
24. Satu Perniagaan Bagi Setiap Pengedar.....	7	59. Terjemahan.....	13
25. Pemindahan Perjanjian.....	7	60. Istilah dengan Huruf Besar.....	13
26. Pemisahan Rakan Perniagaan.....	8	61. Masa Menjadi Asas.....	14
27. Perubahan Penaja/Penempatan.....	8	62. Pemesanan.....	14
28. Pendaftaran Bercanggah.....	8	63. Pembayaran dan Penghantaran.....	14
29. Anti-Manipulasi.....	9	64. Data Peribadi dan Hak Privasi.....	15
30. Jualan yang Dibenarkan.....	9	65. Perjanjian Penyelesaian Pertikaian.....	17
31. Tindakan Pihak Ketiga.....	9	66. Takrifan.....	19
32. Perniagaan Antarabangsa.....	9		
33. BabyCare.....	9		
34. Pematuhan Undang-Undang.....	10		
35. Keperluan Penjagaan Produk dan Kawalan Kualiti.....	10		

1. PERMOHONAN UNTUK MENJADI PENGEDAR

Seseorang individu boleh memohon untuk menjadi Pengedar dengan melengkapkan langkah-langkah berikut:

- Lengkapkan, tandatangan dan kembalikan Permohonan Pengedar secara dalam talian atau bercetak kepada Syarikat;
- Sertakan nombor pengenalan (Nombor KP) yang sah, maklumat akaun bank dan maklumat perhubungan; dan
- Dapatkan Kit Pemula.

Semua maklumat mengenai cara melengkapkan Permohonan Pengedar dan mendapatkan Kit Pemula boleh diterima daripada Penaja Pengedar. Seseorang individu itu tidak dikehendaki membeli sebarang Produk atau bahan-bahan (termasuk Kit Pemula) untuk menjadi Pengedar.

2. KELAYAKAN UNTUK BERKONTRAK DAN UMUR MINIMUM

Individu yang tidak layak untuk berkontrak atau di bawah umur majoriti mengikut undang-undang yang tertakluk ke atasnya tidak boleh menjadi Pengedar, dan tiada Pengedar yang sepatutnya secara sedar Merekrut atau Menaja, atau cuba untuk Merekrut atau Menaja, mana-mana individu di bawah umur majoriti atau yang tidak layak untuk berkontrak di bawah undang-undang yang berkenaan.

3. [DIKHASKAN]

4. PENDAFTARAN SEMENTARA

Pendaftaran baharu akan dianggap sementara selama tiga puluh (30) hari, dan dalam waktu itu Pengedar mestilah bersetuju dengan terma-terma Perjanjian. Sekiranya Pengedar tidak bersetuju dengan terma-terma Perjanjian menjelang akhir tempoh tiga puluh (30) hari pendaftaran sementara, akaun Pengedar itu akan ditahan dan mungkin ditamatkan.

5. HAK DAN KEISTIMEWAAN PENGEDAR

Perjanjian ini memberikan hak-hak dan keistimewaan berikut kepada Pengedar:

- Membeli Produk USANA pada harga diskaun untuk Pengedar;
- Menyertai Pelan Ganjaran USANA (dan menerima bonus dan komisen, setakat tahap yang layak);
- Menaja individu lain sebagai Pelanggan Pilihan, atau Pengedar masuk ke perniagaan USANA dan dengan itu membentuk sebuah Pasukan;
- Menjual Produk USANA dan menyimpan perbezaan antara harga yang dibayar oleh Pengedar kepada Syarikat untuk Produk dan harga jualan yang dikenakan oleh Pengedar kepada Pelanggan ke atas Produk;

- Menyertai pertandingan berbentuk promosi dan insentif dan program-program USANA yang lain;
- Menghadiri persidangan dan acara antarabangsa USANA (dengan perbelanjaan sendiri); dan
- Menyertai majlis-majlis sokongan, perkhidmatan, latihan, motivasi dan penganugerahan yang ditaja oleh USANA selepas membayar caj-caj yang wajar, jika berkenaan.

Penyertaan berterusan seorang Pengedar dalam sebarang aktiviti di atas atau penerimaan sebarang manfaat lain olehnya di bawah Perjanjian merupakan penerimaan Perjanjian tersebut, dan sebarang dan semua pembaharuan dan pindaan yang berkaitan dengannya.

6. STATUS KONTRAKTOR BEBAS

Pengedar adalah kontraktor bebas. Perjanjian ini dan Terma & Dasar ini tidak mewujudkan perhubungan majikan/pekerja, agensi, perkongsian, atau usahasama antara Syarikat dan Pengedar, dan Pengedar tidak boleh mewakili dirinya sebagai pekerja, ejen, atau wakil Syarikat atau pembeli sesebuah francais. Pengedar bertanggungjawab membayar cukai pendapatan atau apa-apa cukai lain yang dikenakan ke atasnya, serta sebarang perbelanjaan yang berkaitan dengan Perniagaan mereka. Pengedar tidak layak mendapat manfaat yang USANA mungkin sediakan untuk para pekerjanya. Pengedar boleh meminta pertolongan atau bantuan tanpa meminta kelulusan daripada Syarikat, tetapi mana-mana Pengedar yang melantik orang lain kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti pembantu atau penolong tersebut, sehingga sebarang pelanggaran Perjanjian ini oleh individu tersebut akan dianggap telah dilakukan oleh Pengedar yang melantik individu tersebut. **Pengedar tidak akan diperlakukan sebagai pekerja bagi tujuan cukai atau sumbangan berkanun yang lain atau untuk sebarang sebab yang lain.**

Pengedar mestilah menentukan sasaran, waktu bekerja, tempat perniagaan dan kaedah penjualan mereka sendiri, selagi mereka mematuhi Perjanjian ini. Pengedar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua keputusan yang dibuat dan semua kos yang ditanggung berkaitan dengan aktiviti mereka di bawah Perjanjian ini. Semua Pengedar menanggung setiap risiko keusahawanan dan perniagaan bersabit dengan Perjanjian ini. Pengedar bertanggungjawab mendapatkan sebarang lesen, permit, dan kelulusan kerajaan yang lain di peringkat negeri atau tempatan, termasuk tanpa had sebarang kelayakan yang mungkin diperlukan untuk menjalankan urusan niaga dalam negeri selain daripada tempat beliau bermastautin.

7. PENAMATAN OLEH PENGEDAR

Pengedar boleh menamatkan Perjanjiannya secara sukarela dengan cara-cara berikut:

- **Notis Bertulis.** Pengedar boleh menamatkan Perjanjiannya pada bila-bila masa sahaja atas apa-apa sebab sekalipun. Penamatan mestilah dihantar dalam bentuk bertulis kepada Syarikat melalui e-emel kepada customerserviceMY@usanainc.com atau melalui surat ke alamat perniagaan utamanya.
- **Kegagalan untuk Memperbaharui.** Kegagalan untuk memperbaharui Perjanjian.
- **Kegagalan untuk Menegakkan Semula Kepatuhan kepada Perjanjian.** Dari semasa ke semasa, Pengedar mungkin akan diminta supaya menegakkan semula pemakaian dan kepatuhan terhadap Perjanjian ini. Kegagalan untuk bersetuju dengan Perjanjian ini boleh mengakibatkan penamatan Perjanjian.

8. KEPATUHAN KEPADA PELAN GANJARAN

Pengedar mestilah patuh kepada terma-terma Pelan Ganjaran. Pengedar tidak boleh:

- Mewajibkan atau menggalakkan Pelanggan atau bakal Pelanggan dan/atau Pengedar lain supaya menyertai USANA dalam apa-apa cara yang berbeza daripada Pelan Ganjaran;
- Mewajibkan atau menggalakkan Pelanggan atau bakal Pelanggan dan/atau Pengedar lain supaya melaksanakan sebarang perjanjian atau kontrak selain daripada perjanjian dan kontrak rasmi USANA demi menjadi Pengedar atau Pelanggan Pilihan;
- Mewajibkan atau menggalakkan Pelanggan atau bakal Pelanggan atau Pengedar lain supaya membuat sebarang pembelian daripada, atau pembayaran kepada, mana-mana individu atau entiti lain untuk menyertai Pelan Ganjaran, selain daripada pembelian atau pembayaran yang dikenal pasti dalam Bahan Rasmi USANA;
- Menjual, atau cuba untuk menjual, senarai kenalan kepada Pengedar lain; atau
- Membuat borang pendaftaran atau permohonan mereka sendiri. Pendaftaran Pengedar dalam talian hanya boleh dilakukan melalui laman web korporat USANA atau laman web peribadi Pengedar USANA. Semua laman web lain yang dicipta oleh Pengedar mestilah dipautkan kepada Halaman Web Peribadi Pengedar USANA untuk pendaftaran.

9. BAHAN BUATAN PENGEDAR

Pengedar boleh menghasilkan bahan iklan atau latihan mereka sendiri dengan syarat bahan tersebut mematuhi semua peruntukan dalam Terma & Dasar ini termasuk bahan tersebut:

- Menyatakan dengan jelas bahawa bahan tersebut dibuat oleh Pengedar Bebas dengan menambah secara jelas logo Pengedar Bebas USANA kepada bahan tersebut, yang tersedia untuk dimuat turun dari The Hub. Pengedar tidak boleh menggunakan logo korporat rasmi USANA dalam iklan atau bahan-bahan latihan peribadi mereka;

- Diterbitkan dalam cara yang profesional dan menarik dan tidak akan memburukkan nama USANA, termasuk mengandungi bahan yang dianggap, menurut budi bicara Syarikat, tidak sopan, bersifat memperdaya, mengelirukan, melanggar undang-undang, lucah, tidak beretika, menyinggung atau tidak bermoral;
- Kandungannya jujur, tidak membuat Dakwaan Pendapatan atau Dakwaan Gaya Hidup yang bersifat memperdaya, atau mendakwa produk bersifat terapeutik;
- Tidak membawa makna tersirat bahawa ia peluang pekerjaan;
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan tatacara yang terpakai kepada pengiklanan dan amalan perniagaan beretika;
- Tidak melanggar sebarang Hak Harta Intelek Syarikat atau mana-mana pihak ketiga;
- Tidak meyarifatkan bahawa bahan tersebut telah diluluskan, disokong, diterbitkan atau disyorkan oleh USANA;
- Tidak dijual kepada Pengedar lain untuk mendapatkan keuntungan; dan
- Hanya dipromosikan dalam lingkungan Baris Atasan dan Pasukan Pengedar sendiri.

Untuk memastikan kepatuhan penuh terhadap dasar pengiklanan USANA, Pengedar yang ingin membuat bahan pengiklannya sendiri mestilah mematuhi terma-terma dalam Terma & Dasar ini dan melengkapkan Senarai Semak Pengiklanan yang boleh didapati dalam The Hub. Pelengkapan senarai semak tersebut membenarkan Pengedar menghasilkan bahan pengiklanan. Pelanggaran akan mengakibatkan tindakan sewajarnya termasuk penggantungan atau penamatan Perjanjian. Sekiranya Pengedar ingin agar bahan pengiklanan yang dihasilkannya sendiri itu disemak oleh Bahagian Etika & Pendidikan USANA, Pengedar boleh menghantarkannya kepada ethics@usanainc.com. USANA berhak untuk menyemak dan meminta bahan tersebut disunting atau dikeluarkan mengikut budi bicaranya.

10. DAKWAAN PRODUK

Pengedar tidak boleh membuat sebarang dakwaan bahawa Produk USANA berguna dalam penyembuhan, rawatan, diagnosis, pengurangan atau pencegahan sebarang penyakit, gejala penyakit, kesakitan atau kecederaan. Sekiranya Pengedar membuat dakwaan yang dilarang, ini akan menyebabkan insurans liabiliti Produk USANA tidak tersedia kepada Pengedar tersebut.

Pengedar tidak boleh membuat dakwaan atau menyiratkan bahawa mana-mana produk didaftarkan dengan atau diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia.

11. GAMBARAN PENDAPATAN DAN GAYA HIDUP

Apabila membentangkan atau membincangkan peluang atau Pelan Ganjaran USANA, Pengedar

tidak boleh membuat dakwaan pendapatan, representasi atau testimoni (secara kolektif dipanggil “Dakwaan Pendapatan”) yang bersifat memperdaya.

Dakwaan Pendapatan yang bersifat memperdaya termasuk sebarang dakwaan, testimoni, kenyataan atau representasi lain, sama ada bertulis atau secara lisan, yang berkait dengan mana-mana yang berikut berhubung dengan Peluang Perniagaan USANA:

- Membesar-besarkan atau memberi jaminan pendapatan, perolehan atau keuntungan;
- Andaian, potensi atau anggaran pendapatan, perolehan atau keuntungan yang mengelirukan;
- Dakwaan bahawa Pengedar boleh memperoleh pendapatan tambahan atau pendapatan tanpa had ataupun menggantikan pendapatan mereka;
- Dakwaan bahawa Pengedar boleh mencapai kebebasan kewangan; atau
- Maklumat lain yang salah, tidak benar, tidak lengkap atau sebaliknya mengelirukan atau berpotensi mengelirukan yang memberi gambaran tidak benar tentang pendapatan biasa atau hasil perolehan Pengedar USANA.

Untuk tidak bersifat memperdaya, Dakwaan Pendapatan mestilah mematuhi dengan ketat antara lain setiap keperluan berikut:

- Kecuali dakwaan itu adalah dakwaan biasa, Pengedar mesti memasukkan Penafian Pendapatan yang wajar, dipautkan dengan versi terkini Pernyataan Pendedahan Pendapatan USANA (“IDS”), yang terdapat di usanaincome.com; Penafian Pendapatan Terkini tersedia dalam The Hub;
- Pengedar tidak boleh mendedahkan jumlah pendapatan, keuntungan, bonus, komisen atau ganjaran lain daripada USANA, atau menunjukkan cek asli, salinan cek, penyata bank, penyata cukai atau rekod kewangan yang serupa; dan
- Pengedar tidak boleh mengubah atau membungai secara lisan Penafian Pendapatan atau IDS dalam apa cara sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada penambahan teks.

Pengedar tidak boleh membuat Dakwaan Pendapatan “gaya hidup” (“Dakwaan Gaya Hidup”) yang bersifat memperdaya. Dakwaan Gaya Hidup adalah kenyataan atau gambaran yang menyiratkan atau menyatakan bahawa Pengedar boleh mencapai hasil yang luar biasa. Contoh Dakwaan Gaya Hidup yang memperdaya termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kenyataan atau dakwaan bahawa Peluang Perniagaan USANA akan mendorong kepada:

- Persaraan awal atau membolehkan seseorang itu berhenti kerja;
- Pendapatan bersamaan dengan kerjaya sepenuh masa (“pendapatan aras kerjaya”);

- Gaya hidup mewah;
- Keupayaan untuk membeli rumah atau kenderaan;
- Percutian; atau
- Apa-apa yang serupa dengannya yang memberi gambaran salah tentang pendapatan atau hasil perolehan biasa seorang Pengedar USANA.

Tambahan, Pengedar tidak boleh menyebut atau merujuk kepada USANA sehubungan dengan sebarang Dakwaan Pendapatan atau Dakwaan Gaya Hidup yang bersifat memperdaya secara implikasinya, contohnya dengan menyebut USANA dalam hantaran media sosial yang berdekatan dengan hantaran yang membayangkan gaya hidup mewah.

Semasa membentangkan atau membincangkan pendapatan atau Pelan Ganjaran, Pengedar mesti menjelaskan kepada prospek bahawa kejayaan kewangan di USANA memerlukan komitmen, usaha, pelaburan kewangan dan kemahiran penjualan. Seorang Pengedar tidak boleh mewakili bahawa seseorang boleh berjaya tanpa berusaha gigih atau bahawa pendapatan adalah dijamin.

12. MEDIA SOSIAL

Pengedar bertanggungjawab memastikan semua kandungan dan bahan yang dihasilkan dan/atau dihantar oleh mereka, serta semua hantaran di tapak media sosial yang mereka miliki, kendalikan atau kawal, mematuhi Terma & Dasar ini, undang-undang yang terpakai, dan tidak melanggar sebarang hak harta intelek Syarikat atau mana-mana pihak ketiga. Contoh platform media sosial termasuk tetapi tidak terhad kepada blog, Facebook, Instagram, Twitter, LinkedIn, YouTube, WeChat, atau Pinterest.

13. HARGA MINIMUM YANG DIKLANKAN

Pengedar boleh menjual Produk dari inventori mereka pada sebarang harga yang mereka pilih terhad kepada yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai. Walau bagaimanapun, Produk tidak boleh diiklankan di bawah Harga Pesanan Auto seperti yang ditetapkan dalam senarai harga di The Hub. Walau bagaimanapun, Pengedar boleh mengiklankan insentif bukan harga yang berikut bersama-sama dengan Produk: penghantaran percuma, gear logo yang dihasilkan oleh USANA secara percuma atau pada harga diskaun, dan sampel produk keluaran USANA.

14. PERMINTAAN E-MEL

Untuk mematuhi undang-undang dan untuk mengelakkan mudarat kepada integriti jenama USANA, Pengedar dilarang menghantar e-mel yang tidak diminta untuk mempromosikan USANA, Produknya dan Peluang Perniagaan kepada individu-individu yang tidak meminta secara khusus untuk menerima maklumat tersebut. Permintaan daripada penerima e-mel

supaya hantaran e-mel dihentikan mestilah dipenuhi serta-merta.

15. PERTANYAAN MEDIA

Pengedar tidak boleh mempromosikan Produk atau Peluang Perniagaan melalui wawancara dengan media, penerbitan artikel, laporan berita, blog, atau sebarang maklumat awam, dagangan, atau sumber maklumat industri yang lain, kecuali telah diluluskan terlebih dahulu oleh USANA. Jika Pengedar menerima pertanyaan daripada pengamal media atau saluran media luas (contohnya saluran berita nasional atau dunia) semasa acara USANA, dia mestilah merujuk pertanyaan itu kepada ethics@usanainc.com.

16. HARTA INTELEK

USANA adalah pemilik tunggal dan eksklusif semua harta intelek USANA termasuk nama, cap dagangan, nama dagangan, kemasan dagang, paten, hak cipta dan rahsia perdagangan Produk USANA (secara kolektif “Harta Intelek”). Kecuali diberitahu sebaliknya oleh Syarikat, Pengedar diberikan lesen terhad tidak eksklusif untuk menggunakan Harta Intelek USANA untuk mengiklankan produk USANA dan untuk mempromosikan Perniagaan USANA mereka, selaras dengan Terma & Dasar ini. Pengedar tidak boleh menggunakan mana-mana Harta Intelek USANA untuk sebarang tujuan lain. Lesen terhad setiap Pengedar untuk menggunakan Harta Intelek USANA akan tamat serta-merta selepas penamatan (atas apa-apa sebab sekalipun, sama ada penamatan sukarela atau tidak) Perjanjian antara Pengedar dan Syarikat atau Perniagaan Pengedar. Selepas penamatan lesen terhad, bekas Pengedar hendaklah dengan serta merta, dan selaras dengan arahan Syarikat, berhenti menggunakan Harta Intelek USANA, mengembalikan semua salinan keras Harta Intelek USANA kepada Syarikat, dan menghapuskan secara kekal sebarang salinan elektronik Harta Intelek USANA, dan mengesahkan kepada Syarikat bahawa perkara-perkara tersebut telah dilakukan.

Pengedar mengakui dan menyetujui bahawa Syarikat akan menjadi satu-satunya pemilik sah dan benefisial semua Hak Harta Intelek dalam sebarang karya (termasuk, secara tidak terhad, mana-mana bahan iklan dan latihan, Bahan Buatan Pengedar, terjemahan, adaptasi, penambahbaikan, penyesuaian, peningkatan atau pengubahsuaian) dibuat sama ada secara bersama oleh pihak yang terlibat atau secara individu dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini (“IP yang Dibangunkan”).

Sejauh mana Pengedar telah atau dianggap telah memperoleh sebarang hak, hak milik atau kepentingan dalam mana-mana bahagian Harta Intelek USANA atau IP yang Dibangunkan, Pengedar dengan ini menyerahkan dan memindahkan semua hak, hak milik dan kepentingan tersebut kepada Syarikat. Pengedar

selanjutnya bersetuju untuk melaksanakan dan menyerahkan mana-mana dan semua dokumen sebagaimana yang diminta oleh Syarikat dari semasa ke semasa untuk mengesahkan dan melaksanakan niat ayat yang sebelumnya.

Untuk melindungi integriti jenama Syarikat dan Hak Harta Intelek, Pengedar tidak boleh:

- Mencuba untuk mendaftarkan atau menjual sebarang Harta Intelek USANA di mana-mana negara;
- Menggunakan sebarang Harta Intelek USANA, atau variasi yang tidak asli atau yang serupa dengannya yang mengelirukan, dalam mana-mana nama entiti sah, URL laman web, atau alamat e-mel;
- Menggunakan nama Syarikat sebagai nama pengendali atau nama pengguna dalam media sosial melainkan penggunaan itu menunjukkan dengan jelas bahawa Pengedar adalah bebas;
- Merakam atau menghasilkan semula bahan audio atau visual daripada mana-mana acara korporat atau pembentangan USANA oleh mana-mana wakil, pekerja, atau Pengedar USANA yang lain;
- Menerbitkan, atau menyebabkan diterbitkan, dalam mana-mana media cetak atau elektronik, nama, gambar atau apa-apa yang serupa, bahan berhak cipta, atau harta benda individu yang berkaitan dengan USANA, tanpa kebenaran bertulis yang nyata daripada individu dan/atau USANA.

Pengedar dibenarkan untuk menggunakan “USANA” dalam nama pengguna atau nama profil media sosial mereka sekiranya Pengedar:

- Memasukkan nama atau nama perniagaan mereka seperti yang didaftarkan dengan USANA; dan;
- Dengan jelas memperkenalkan diri mereka sebagai Pengedar Bebas dalam biografi profil.

Sekiranya halaman media sosial adalah untuk kumpulan, tidak kira peribadi atau awam, perlu ada satu orang hubungan yang disenaraikan dalam biografi atau profil.

17. PENGGUNAAN NAMA PENGEDAR, PERSAMAAN, DAN GAMBAR

Pengedar memberikan USANA lesen kekal dan tidak boleh ditarik balik untuk menggunakan nama, testimoni, gambar, fotograf, imej, video, dan/atau rakaman audio Pengedar, serta mana-mana kesamaan lain Pengedar dalam bahan promosi USANA. SEJAUH MANA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI, PENGEDAR MENGETEPIKAN SEMUA HAK PUBLISITI DAN SELANJUTNYA MENGETEPIKAN SEMUA HAK UNTUK GANJARAN DARIPADA PENGGUNAAN BAHAN TERSEBUT OLEH USANA.

18. KEDAI PERKHIDMATAN

Untuk melindungi integriti jenama USANA, Pengedar boleh memaparkan dan menjual Produk hanya di kemudahan yang urus niaga utamanya berkaitan dengan perkhidmatan (ditakrifkan sebagai perniagaan yang sumber utama pendapatannya adalah perkhidmatan). Kemudahan yang diluluskan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, spa kesihatan, kedai kecantikan, pakar perubatan dan kiropraktor. Sepanduk Produk atau bahan pengiklanan USANA yang lain dilarang dipamerkan kepada masyarakat umum dengan cara yang dapat menarik perhatian orang awam ke kedai tersebut untuk membeli Produk. Pengedar tidak dibenarkan memasarkan atau menjual Produk di mana-mana jenis saluran runcit lain (iaitu perniagaan yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan dan perkhidmatan bukan sumber utama pendapatannya). Saluran runcit yang dilarang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kedai fizikal sebenar dan kios.

19. JUALAN DALAM TALIAN

Pengedar boleh menjual Produk melalui sumber dalam talian seperti laman media sosial atau laman web di bawah kawalan Pengedar. Untuk melindungi integriti jenama USANA dan kemampuan Pengedar lain untuk menyertai Peluang Perniagaan secara bermakna, penjualan dalam talian TIDAK dibenarkan di tapak iklan kecil Internet, tapak lelong, tapak membeli-belah e-dagang, atau tapak penunaian pesanan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Amazon, Facebook Marketplace, Lazada, Shopee, Carousell, dan Taobao. Promosi Produk melalui mana-mana medium dalam talian yang diluluskan mestilah mematuhi semua dasar promosi dan pemasaran dalam Terma & Dasar ini. Sekiranya Pengedar menjual Produk melalui laman media sosialnya, volum jualan yang dihasilkan melalui laman tersebut mesti diberikan kepada salah satu daripada Pusat Perniagaan yang dikendalikan oleh Pengedar yang laman sosial medianya menghasilkan jualan tersebut; Volum Jualan tidak boleh diberikan kepada Pusat Perniagaan Pengedar lain, begitu juga Volum Jualan daripada satu pesanan tidak boleh diagihkan kepada beberapa Pusat Perniagaan yang dipegang oleh Pengedar.

20. PEREKRUTAN TANPA KEBENARAN; PENYERTAAN DALAM SYARIKAT JUALAN LANGSUNG LAIN

Selama tempoh Perjanjian, dan untuk tempoh dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh atau penamatan Perjanjian oleh salah satu pihak, atas sebarang alasan, Pengedar tidak boleh Mempromosikan produk atau Merekrut mana-mana Pengedar atau Pelanggan untuk turut serta dengan apa-apa cara sekalipun dalam mana-mana Syarikat Jualan Langsung Pesaing.

Istilah “Merekrut” bermaksud secara langsung atau tidak langsung, sebenar atau percubaan, penajaan, pengumpunan, pendaftaran, dorongan, atau usaha untuk mempengaruhi dalam sebarang cara lain. Ini merangkumi sebarang tindakan yang akan menyebabkan penamatan atau pembatasan hubungan perniagaan antara mana-mana Pengedar atau Pelanggan Pilihan dan USANA. Istilah “Promosi” bermaksud menjual secara langsung atau tidak langsung, menawarkan untuk menjual, atau mempromosikan produk Syarikat Jualan Langsung Pesaing kepada mana-mana Pengedar atau Pelanggan terkini melalui sebarang cara, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan mana-mana tapak web, blog, atau tapak media sosial lain di mana mereka membincangkan atau mempromosikan, atau telah membincangkan atau mempromosikan, Peluang Perniagaan atau Produk tersebut.

Pengedar boleh menyertai perniagaan Jualan Langsung yang lain dengan syarat mereka tetap mematuhi Terma & Dasar ini dan memberitahu USANA secara bertulis dalam masa lima (5) hari bekerja selepas mendaftar di mana-mana Syarikat Jualan Langsung. Pengedar yang menyertai Syarikat Jualan Langsung yang lain tidak boleh:

- Mempunyai akses ke maklumat sulit USANA mengenai mana-mana Pelanggan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, senarai Pelanggan yang termasuk dalam Business Accelerator Suite;
- Layak untuk mendapat faedah pengiktirafan, termasuk insentif perjalanan, bercakap di acara, dll.;
- Memindahkan Perniagaan mereka; dan
- Menyertai program Kepimpinan atau Bonus Elit USANA.

Syarikat telah memberi Pengedar akses kepada Maklumat Sulit yang berharga dan sulit kepada Syarikat, dan latihan khusus serta strategi jualan dan pemasaran. Oleh itu, Pengedar bersetuju bahawa Seksyen ini adil dan munasabah, serta perlu untuk melindungi perniagaan Syarikat dan sekutunya, dan bahawa Seksyen ini tidak menghalangi Pengedar daripada mencari nafkah.

21. PRODUK BERSAING DAN KETIDAKPENGUMPANAN

Pengedar tidak boleh menyatakan atau menyirat bahawa mendaftar di USANA adalah wajib untuk menyertai mana-mana peluang perniagaan lain atau untuk membeli produk atau perkhidmatan yang lain. Pengedar juga tidak boleh menyatakan bahawa produk atau peluang yang bukan milik USANA adalah disyorkan, digalakkan, atau penting untuk mencapai kejayaan di USANA. Pengedar tidak dibenarkan secara khusus menyasarkan atau mendekati Pengedar atau Pelanggan Pilihan untuk menyertai program latihan yang tidak disahkan oleh USANA.

22. SERBUAN SILANG BARIS

Serbuan silang baris adalah dilarang sama sekali. “Serbuan Silang Baris” ditakrifkan sebagai pendaftaran atau percubaan pendaftaran individu atau entiti yang merupakan Pelanggan Pilihan semasa atau mempunyai Perjanjian Pengedar sedia ada dengan USANA, atau yang telah mempunyai Perjanjian tersebut dalam tempoh enam (6) bulan kalendar sebelumnya dalam baris Penajaan yang berbeza.

- Pengedar tidak boleh merendahkan, mencemar nama baik, atau mentaksahkan Pengedar lain dalam percubaan untuk menarik perhatian Pengedar lain supaya menjadi sebahagian daripada Pasukan Pengedar pertama.
- Pengedar tidak boleh menjanjikan lebih banyak kejayaan dalam Pasukan mereka sendiri berbanding yang lain.
- Jika Pengedar didekati oleh, atau mendekati seorang Pengedar silang baris, dia mestilah mengarah dan menggalakkan Pengedar tersebut kembali kepada Baris Atasannya yang asal.
- Apabila seorang calon Pengedar atau Pelanggan Pilihan mengiringi seorang Pengedar ke mesyuarat atau acara USANA, Pengedar USANA lain tidak boleh Merekrut calon tersebut untuk Mendaftar dalam USANA bagi tempoh empat belas (14) hari atau kecuali dan sehingga Pengedar yang membawa calon ke acara tersebut memaklumkan Pengedar lain bahawa calon itu telah memilih untuk tidak Mendaftar dalam USANA dan bahawa Pengedar sudah tidak Merekrut calon untuk Mendaftar dalam USANA, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu. Pelanggaran dasar ini terutamanya sangat merugikan pertumbuhan dan jualan Perniagaan Pengedar lain dan perniagaan USANA.

23. TIDAK MEREMEHKAN

Pengedar tidak boleh meremehkan, mengejek, mencemar nama baik, menghina, merendahkan, mengecam, atau bertindak dengan cara yang tidak adil terhadap USANA, Pengedar lain, Produk, Pelan Ganjaran, pekerja USANA, syarikat lain (termasuk pesaing), atau produk, perkhidmatan, atau aktiviti perniagaan syarikat lain. Seperti yang digunakan dalam perenggan ini, “meremehkan” bermaksud apa-apa yang tidak elok dan/atau negatif, sama ada komunikasi tersebut benar atau tidak benar. Tiada perkara dalam Seksyen ini yang boleh diertikan sebagai melarang Pengedar daripada memfail dakwaan atau aduan, termasuk mencabar kesahihan peruntukan penepian Terma & Dasar ini, dengan FDA, Kementerian Kesihatan Malaysia atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau agensi penguatkuasaan tempatan yang lain, atau turut serta dalam sebarang penyiasatan yang dilakukan oleh FDA, Kementerian Kesihatan Malaysia atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia atau agensi

penguatkuasaan tempatan yang lain, walaupun Pengedar telah menepikan hak terhadap bantuan kewangan, atau sebaliknya mematuhi kewajipan Pengedar untuk memberikan testimoni atau maklumat yang benar seperti yang dikehendaki oleh mahkamah atau statut.

24. SATU PERNIAGAAN BAGI SETIAP PENGEDAR

Seorang Pengedar boleh mengendalikan, menerima ganjaran daripada, atau mempunyai kepentingan pemilikan, sah atau saksama, sebagai seorang ahli, pemilik tunggal, pemegang saham, pemegang amanah, atau benefisiari dalam satu Perniagaan sahaja. Namun, walaupun wujud peraturan ini, pasangan Pengedar juga boleh Mendaftar sebagai Pengedar dan mengendalikan Perniagaan kedua selagi Perniagaan pasangannya berada di bawah salah satu Pusat Perniagaan Pengedar tersebut dan bukan dalam Organisasi Silang Baris (kecuali jika Pengedar telah menjalankan perniagaan mereka untuk satu jangka masa yang munasabah sebelum berkahwin dengan Pengedar lain atau mewarisi Perniagaan sebelum berkahwin dengan Pengedar lain). Perniagaan pasangan mestilah Perniagaan bebas bona fide yang dikendalikan oleh pasangan.

25. PEMINDAHAN PERJANJIAN

Seorang Pengedar (“Pemindah”) boleh menjual atau memindahkan Perniagaannya kepada individu, perkongsian, amanah, atau perbadanan (“Penerima Pindahan”) setelah memohon untuk dan menerima kelulusan daripada USANA, yang mana kelulusan tersebut adalah atas budi bicara tunggal dan mutlak USANA. Proses kajian semula dan kelulusan tidak akan bermula sehingga USANA telah menerima semua dokumentasi yang diperlukan dalam Borang Permintaan Pemindahan Perniagaan.

USANA tidak akan meluluskan penjualan atau pemindahan Perniagaan:

- Yang melibatkan Pengedar yang sedang melanggar Perjanjian atau di bawah penyiasatan mengenai perkara yang sama;
- Kepada mana-mana individu atau entiti yang merupakan Pengedar terkini atau yang mempunyai kepentingan pemilikan dalam mana-mana Perniagaan, atau telah memiliki mana-mana kepentingan pemilikan dalam, atau mengendalikan, Perniagaan;
- Sekiranya sama ada Pemindah atau Penerima Pindahan sedang menyertai Syarikat Jualan Langsung yang lain;
- Sekiranya pembayaran untuk pembelian Perniagaan dibiayai oleh Pemindah atau Penerima Pindahan tidak membayar nilai pasaran; atau
- Jika USANA menentukan bahawa pembelian oleh, atau pemindahan kepada, Penerima Pindahan bukanlah demi kepentingan terbaik

untuk USANA atau Pengedar dalam Baris Atasan atau Baris Bawahan Perniagaan.

Pemindah hendaklah menyebabkan Penerima Pindahan menerima Perniagaan “SEBAGAIMANA ADANYA.” Tidak ada perubahan dalam barisan Penajaan yang mungkin terjadi akibat daripada pemindahan Perniagaan. Semua jumlah yang perlu dibayar kepada Pemindah daripada Penerima Pindahan sebagai sebahagian daripada penjualan atau pemindahan Perniagaan mestilah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh pemindahan. Selepas pemindahan Perniagaan, Pemindah tidak dibenarkan mempunyai sebarang kepentingan kewangan dalam Perniagaan, termasuk tanpa had, penerimaan sebarang bayaran daripada Perniagaan atau Penerima Pindahan selepas tarikh pemindahan. Pemindah juga tidak boleh menerima sebarang ganjaran daripada Perniagaan bagi jualan yang berlaku selepas tarikh pemindahan. Tambahan pula, Pemindah tidak boleh mengambil bahagian dalam pengurusan atau kawalan Perniagaan selepas tarikh pemindahan, termasuk tanpa had, memberikan nasihat perniagaan umum kepada Penerima Pindahan.

Sebagai balasan tambahan untuk kelulusan pemindahan, jika diberikan, dan sebagai tambahan kepada sekatan terhadap Pengedar yang ditamatkan seperti yang termaktub dalam Terma & Dasar USANA, Pemindah dengan nyata bersetuju bahawa selama satu tahun selepas pelaksanaan Permintaan Pemindahan Perniagaan oleh USANA ini, Pemindah tidak akan bekerja untuk atau dengan, sebagai pekerja, kontraktor bebas, atau sebaliknya, mana-mana Syarikat Jualan Langsung Pesaing. Pemindah menyatakan dan bersetuju bahawa sekatan bekerja untuk atau dengan Syarikat Jualan Langsung Pesaing ini adalah munasabah bagi melindungi perniagaan dan kepentingan hak milik USANA dan Penerima Pindahan. Pemindah selanjutnya bersetuju bahawa sekatan ini adalah munasabah untuk jangka masa satu tahun, dan menyatakan, mengakui dan bersetuju bahawa pematuan nyata sekatan ini tidak akan terlalu membebankan. Pihak-Pihak memahami dan bersetuju bahawa jika Pemindah bekerja untuk atau dengan mana-mana Syarikat Jualan Langsung Pesaing dan melanggar peruntukan ini, USANA boleh menamatkan Perjanjian Penerima Pindahan dan meminta sebarang ganti rugi lain atau pelepasan lain yang mungkin berhak diterimanya. USANA juga berhak untuk menamatkan Perjanjian Penerima Pindahan dan meminta ganti rugi atau pelepasan lain yang mungkin berhak diterima jika diketahui bahawa Pemindah telah melanggar sebarang peruntukan Perjanjian Pengedar atau Terma & Dasar USANA, atau bahawa sebarang representasi atau maklumat lain yang disertakan dengan Permintaan Pemindahan Perniagaan ini palsu atau tidak lengkap.

Sebelum mana-mana Perniagaan dipindahkan kepada pihak ketiga, USANA mempunyai hak

keutamaan terdahulu untuk mengambil alih Perniagaan tersebut. USANA mempunyai hak untuk mengambil alih Perniagaan pada manapun yang lebih rendah daripada:

- Terma sama seperti yang ditawarkan kepada, dan diterima oleh, pihak ketiga yang bersedia, sanggup, dan boleh melaksanakannya; atau
- Nilai pasaran wajar perniagaan seperti yang telah ditentukan oleh juru nilai perniagaan profesional yang saling dipersetujui oleh USANA dan Pengedar. Kos memperoleh penilaian akan ditanggung oleh USANA.

26. PEMISAHAN RAKAN PERNIAGAAN

Sekiranya Perniagaan yang dipegang bersama dibubarkan atau dipindahkan ke subset pemilik asal, individu atau entiti yang melepaskan pemilikan dalam Perniagaan asal boleh memohon sebagai Pengedar baharu hanya selepas enam (6) bulan tanpa aktiviti perniagaan USANA, yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, latihan, promosi Produk atau Peluang Perniagaan, dan Perekrutan.

27. PERUBAHAN PENAJA/PENEMPATAN

USANA tidak akan membenarkan sebarang perubahan dalam Penempatan dan/atau Penaja kecuali dalam keadaan berikut:

- Di mana Pengedar telah didorong dengan cara penipuan atau secara tidak beretika untuk menyertai USANA;
- Di mana Penempatan dan/atau Penaja yang salah dibuat kerana kesilapan Pengedar, perubahan dalam Penempatan dan/atau Penaja boleh dilakukan untuk membetulkan kesalahan tersebut di mana permintaan untuk perubahan dibuat dalam tempoh sepuluh (10) hari dari Pendaftaran;
- Sekiranya Perniagaan Pengedar tidak aktif selama enam (6) bulan berturut-turut, Pengedar boleh menamatkan Perniagaannya dan mendaftar di bawah Penaja lain dengan segera. Untuk tujuan dasar ini sahaja, “tidak aktif” bermaksud bahawa tidak ada pesanan Produk yang dibuat di bawah mana-mana Pusat Perniagaan Pengedar.

Sekiranya Pengedar menamatkan Perniagaannya secara bertulis, Pengedar boleh menyertai semula di bawah Penaja pilihannya setelah melengkapkan tempoh menunggu selama enam (6) bulan berturut-turut, dan selama itu bekas Pengedar tidak boleh terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan USANA (seperti yang ditentukan dalam Seksyen ini) sama ada untuk dirinya sendiri atau secara tidak langsung untuk Pengedar lain.

28. PENDAFTARAN BERCANGGAH

Setiap bakal Pengedar berhak mutlak memilih Penaja sendiri. Sebagai peraturan umum, Pengedar pertama yang melakukan kerja yang bermakna dengan bakal Pengedar

dianggap mempunyai tuntutan pertama untuk Tajaan. Sekiranya bakal Pengedar, atau mana-mana Pengedar bagi pihak bakal Pengedar, menyerahkan lebih daripada satu Perjanjian Pengedar kepada USANA yang menyenaraikan Penaja yang berbeza pada setiap satunya, Syarikat akan mempertimbangkan sebagai sah Perjanjian Pengedar pertama yang diterima, diperakui dan diproses. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Penajaan Pengedar, keputusan akhir akan dibuat oleh USANA.

29. ANTI-MANIPULASI

Untuk membantu memastikan pematuan terhadap undang-undang yang terpakai kepada syarikat Jualan Langsung, manipulasi Pelan Ganjaran oleh Pengedar atau mana-mana Pengedar yang bekerja dengan pihak ketiga adalah dilarang sama sekali.

Manipulasi merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:

- Pendaftaran samaran, termasuk menggunakan maklumat hubungan atau pengenalan palsu atau tidak lengkap, atau maklumat yang tidak dapat disahkan melalui usaha yang munasabah;
- Mendaftar individu yang tidak menyedari Pendaftaran mereka, mempunyai sedikit atau tiada pengetahuan mengenai Perniagaan mereka, atau yang tidak berniat mengendalikan Perniagaan;
- Mendaftar individu yang hanya ingin menjadi Pelanggan sebagai Pengedar;
- Pembelian Produk yang berlebihan, atau pemberian Produk, sebagaimana ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya, semata-mata untuk tujuan kelayakan untuk komisen, bonus, atau kemajuan dalam Pelan Ganjaran. Seorang Pengedar tidak boleh membeli lebih banyak Produk daripada yang dapat dijual semula kepada Pelanggan akhir atau digunakan sendiri secara munasabah dalam mana-mana Tempoh Pusingan Empat Minggu, dan tidak boleh menggalakkan orang lain berbuat demikian;
- Penyalahgunaan pulangan untuk pengembalian wang;
- Mengambil bahagian dalam pembelian Baris Bawahan (membuat pesanan jualan di Pusat Perniagaan selain daripada tempat penjualan dibuat);
- Gagal mengemukakan permohonan Pengedar atau Pelanggan Pilihan dalam tempoh tiga hari bekerja; dan
- Sebarang tingkah laku lain yang menyalahi undang-undang, menipu, atau tidak beretika.

Pengedar bersetuju bahawa Syarikat boleh menyesuaikan atau mendapatkan kembali sebarang ganjaran yang diberikan sebagai hasil manipulasi Pelan Ganjaran, tanpa mengira

sama ada penerima ganjaran tersebut terlibat dalam manipulasi tersebut. Pengedar bersetuju mengembalikan sebarang wang yang ditentukan oleh Syarikat sebagai hasil manipulasi Pelan Ganjaran atau melengkapkan sebarang dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat menahan wang bayaran masa depan kepada Pengedar.

30. JUALAN YANG DIBENARKAN

Pengedar hanya dibenarkan menjual Produk kepada Pelanggan, seperti yang ditakrifkan di sini. Pengedar tidak boleh menjual atau memindahkan Produk kepada mana-mana orang atau entiti yang diketahui atau disyaki oleh Pengedar berhasrat untuk menjual semula Produk. Pengedar tidak boleh menjual atau memindahkan sejumlah Produk kepada mana-mana individu pada jumlah yang lebih besar daripada yang boleh digunakan sendiri oleh individu tersebut dalam Tempoh Pusingan Empat Minggu.

31. TINDAKAN PIHAK KETIGA

Sekiranya pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Pengedar, atau dengan bantuan atau pengetahuan aktif atau pasif Pengedar terlibat dengan kelakuan yang melanggar Terma & Dasar ini, kelakuan pihak ketiga tersebut boleh terkait dengan Pengedar dan Perniagaan Pengedar boleh ditamatkan. "Pengetahuan" mengenai salah laku tidak terhad kepada pengetahuan sebenar. Sekiranya Pengedar melakukan sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang diketahui, ATAU SEPATUTNYA KETAHUI, akan membolehkan pihak ketiga melanggar Terma & Dasar ini sekiranya tindakan tersebut dilakukan oleh Pengedar, Pengedar akan dianggap mempunyai pengetahuan mengenai pelanggaran tersebut.

32. PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Pengedar boleh menjual dan mempromosikan Produk, peluang dan perkhidmatan USANA, atau Merekrut atau Mendaftar mana-mana bakal Pengedar atau Pelanggan hanya di negara-negara di mana USANA dibenarkan beroperasi, seperti yang diumumkan dalam komunikasi rasmi USANA. Sekiranya Pengedar ingin menjalankan perniagaan di negara yang dibenarkan selain dari negara di mana Pengedar didaftar dan bermastautin, Pengedar mestilah mematuhi semua undang-undang, peraturan, dan dasar USANA yang terpakai khusus untuk negara tersebut, termasuk menjual hanya Produk yang direka bentuk, dirumuskan, dilabelkan, dan diluluskan khusus untuk pasaran tersebut sahaja.

33. BABY CARE

Meskipun ada Seksyen 32, hanya warganegara China yang berdaftar dengan BabyCare sebagai Pengedar BabyCare boleh berniaga di Tanah Besar China. Pengedar yang tidak berdaftar dengan BabyCare tidak boleh melakukan aktiviti perniagaan di Tanah Besar China, yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, latihan,

promosi dan perekrutan di China. Pengedar tidak boleh menghantar mana-mana Produk USANA ke China.

34. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Pengedar harus mematuhi semua undang-undang, peraturan, dan ordinan yang terpakai kepada Perniagaan Pengedar.

35. KEPERLUAN PENJAGAAN PRODUK DAN KAWALAN KUALITI

Pengedar tidak boleh melabelkan semula, mengubah, atau mengusik label pada mana-mana Produk, maklumat, bahan, pembungkusan, atau program USANA dengan apa cara sekalipun. Produk USANA mestilah dijual dalam bungkusan asalnya sahaja. Sebarang ubah pinda seperti itu akan membatalkan sebarang perlindungan insurans liabiliti produk daripada dilanjutkan kepada Pengedar dan boleh menyebabkan Pengedar dikenakan penalti sivil dan jenayah yang berat. Sejurus selepas menerima Produk, Pengedar mesti memeriksa Produk dan bungkusannya untuk mengesan kerosakan, kecacatan, meterai yang rosak, bukti adanya gangguan, atau ketidakpatuhan lain ("Kecacatan"). Sekiranya terdapat sebarang Kecacatan dikenal pasti, jangan tawarkan Produk untuk penjualan dan segera laporkan Kecacatan itu kepada USANA. Pengedar juga mesti memeriksa inventori secara berkala untuk Produk yang sudah tamat tempoh atau yang hampir tamat tempoh dan mengeluarkan Produk tersebut daripada inventori. Pengedar tidak boleh menjual Produk yang sudah melewati hayat simpannya, tamat tempoh, atau dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh luputnya. Produk mestilah disimpan di tempat yang dingin, kering, jauh dari sinar matahari langsung, dan di persekitaran di mana Produk dan pembungkusan Produk tidak mudah mengalami kerosakan fizikal. Pengedar juga mestilah bekerjasama dengan USANA berkenaan dengan sebarang penarikan balik Produk atau usaha penyebaran maklumat keselamatan pengguna yang lain.

36. JUALAN RUNCIT

Untuk membantu memastikan kepatuhan terhadap undang-undang yang terpakai kepada syarikat Jualan Langsung, Pengedar mestilah menjual produk kepada Pelanggan agar layak untuk mendapatkan komisen. Pelanggan ini boleh jadi Pelanggan runcit, Pelanggan Pilihan, atau mana-mana gabungan keduanya. Pengedar diminta untuk memberikan Pelanggan runcit resit digital atau dua (2) salinan cetak Resit Jualan Runcit USANA yang rasmi. Pengedar mestilah menyimpan semua resit jualan runcit selama dua (2) tahun dan memberikannya kepada USANA atas permintaan Syarikat.

37. KOMISEN DAN PELARASAN

Komisen dan bonus dibayar atas penjualan Produk. Oleh itu, USANA akan menyesuaikan

komisen dan bonus yang diperoleh daripada mana-mana jualan yang kemudiannya dikembalikan atau dicaj balik. USANA akan menolak Volum Jualan yang dianggap disebabkan oleh Produk yang dikembalikan/dicaj balik daripada Volum Kumpulan Pengedar Baris Atas setelah pembayaran balik/caj balik diproses.

USANA membayar komisen setiap minggu. Pengedar mestilah menyemak komisen yang diterimanya dan melaporkan sebarang kesilapan atau percanggahan kepada USANA dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemeriksaan komisen. Kesilapan atau percanggahan yang tidak dikemukakan kepada USANA dalam tempoh 30 hari akan dianggap dilepaskan oleh Pengedar.

Tiada wang yang harus dibayar kepada atau diterima oleh Pengedar untuk jualan kecuali pada masa penghantaran Produk.

Kecuali jika diwajibkan oleh undang-undang, sebarang komisen dan bonus yang tidak boleh dibayar oleh USANA kepada Pengedar setelah cubaan USANA untuk mencari Pengedar tidak berjaya, akan tertakluk kepada dasar Komisen Tidak Dituntut USANA, yang terdapat di The Hub.

38. PENGHANTARAN DAN RISIKO KERUGIAN

USANA boleh menghantar Produk kepada Pengedar melalui pengangkut umum. Sekiranya USANA menghantar Produk dengan pengangkut umum, Pengedar bersetuju untuk membayar kos penghantaran, pengendalian, dan caj penghantaran lain-lain yang berkaitan untuk menampung kos penghantaran Produk dari gudang USANA ke alamat penghantaran Pengedar. Penghantaran Produk selesai apabila USANA menghantar Produk ke pengangkut umum dan hak milik ke atas Produk dan risiko kehilangan atau kerosakannya dalam penghantaran berpindah kepada Pengedar pada ketika itu.

39. DASAR PEMULANGAN

Jaminan Kepuasan dan Dasar Beli Balik: USANA menawarkan jaminan kepuasan pengembalian wang tanpa syarat pada semua Produk dan Alat Jualan, termasuk Kit Pemula. Sekiranya atas mana-mana sebab pembeli tidak berpuas hati dengan sebarang Produk atau Alat Jualan, pembeli boleh mengembalikan Alat Jualan atau mana-mana Produk yang tidak digunakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian untuk pertukaran atau bayaran balik seratus peratus (100%), tolak penghantaran.

Pengedar mestilah akur dengan jaminan pengembalian wang ini kepada Pelanggan runcit peribadi mereka. Sekiranya, di atas apa-apa sebab, Pelanggan runcit Pengedar tidak berpuas hati dengan mana-mana Produk USANA yang dibeli daripada Pengedar, Pelanggan runcit tersebut boleh mengembalikan Produk tersebut kepada Pengedar yang menjual produk tersebut kepada mereka. Sekiranya Pelanggan runcit

meminta bayaran balik, Pengedar yang menjual Produk tersebut kepada Pelanggan runcit mesti dengan serta merta membayar balik harga belian Pelanggan runcit (tolak caj penghantaran). Pelanggan Runcit mestilah mengembalikan Produk kepada Pengedar yang menjualnya kepada mereka; USANA tidak akan menerima Produk yang dikembalikan secara langsung daripada Pelanggan runcit. Pengedar kemudian perlu menghubungi Perkhidmatan Pelanggan untuk meminta bayaran balik/penggantian.

Jaminan kepuasan ini tidak terpakai kepada Produk dan Alat Jualan yang dibeli daripada individu yang bukan Pengedar atau kepada pembelian Produk melalui saluran yang tidak sah, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Amazon atau eBay.

Pemulangan Produk dan Alat Jualan: Pembeli boleh mengembalikan mana-mana Produk atau Alat Jualan sehingga enam (6) bulan selepas tarikh pembelian dengan bayaran balik seratus peratus (100%) (tolak caj penghantaran) jika Produk dalam keadaan boleh dijual semula atau boleh dipasarkan. Produk adalah dalam keadaan boleh dijual semula atau boleh dipasarkan jika tidak dibuka, tidak digunakan, dan pembungkusan serta pelabelan belum diganggu atau rosak. Produk yang dikenal pasti dengan jelas pada masa penjualan sebagai tidak boleh dikembalikan, produk penghabisan stok, penjualannya tidak diteruskan atau dijual sebagai item bermusim, atau yang dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh “guna sebelum” yang disenaraikan, tidak dianggap dalam keadaan boleh dijual semula atau boleh dipasarkan.

Alat Jualan, termasuk Kit Pemula, boleh dikembalikan kepada Syarikat untuk bayaran balik seratus peratus (100%) jika berada dalam keadaan boleh dipasarkan pada masa tersebut. Untuk berada dalam keadaan yang boleh dipasarkan pada masa tersebut, Alat Jualan mestilah:

- Tidak dibuka dan tidak digunakan;
- Tidak rosak atau diubah; dan
- Dalam keadaan yang munasabah untuk dijual semula pada harga tetap.

Semua pengembalian Pengedar mesti dimulakan oleh pemilik akaun yang digunakan untuk membeli produk.

40. PULANGAN PEMBATALAN

Pelanggan, Pelanggan Pilihan, dan Pengedar yang baru Mendaftar mempunyai sepuluh (10) hari bekerja untuk membatalkan pembelian awal mereka dan mendapatkan bayaran balik sepenuhnya.

41. PULANGAN DISEBABKAN OLEH PENYALAHGUNAAN

Sekiranya USANA menentukan bahawa Pengedar menyalahgunakan jaminan kepuasan, Pengedar

akan dibayar balik mengikut Seksyen 39, dan Perniagaan Pengedar boleh ditamatkan.

42. TERMA DAN PEMBAHARUAN PERNIAGAAN USANA

Jangka masa Perjanjian Pengedar adalah satu (1) tahun (tertakluk pada penamatan sebelumnya menurut Terma & Dasar ini). USANA mengenakan caj pembaharuan perniagaan tahunan kepada Pengedar serta mana-mana cukai yang terpakai. USANA secara automatik akan mengenakan caj ke kad kredit atau akaun bank Pengedar yang tertera pada fail di USANA pada tarikh ulang tahun permohonan Pengedar. USANA berhak untuk menamatkan semua Perjanjian Pengedar dengan pemberian notis tiga puluh (30) hari sekiranya Syarikat memilih untuk: (1) menghentikan operasi perniagaan; (2) bubar sebagai entiti perniagaan; atau (3) menamatkan pengedaran Produk dan/atau perkhidmatannya melalui saluran jualan langsung.

43. SIASATAN DAN NOTIS PELANGGARAN DASAR

Sekiranya USANA percaya, atau mempunyai alasan untuk mempercayai, bahawa Pengedar telah melanggar, atau sedang melanggar, mana-mana terma Perjanjian, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Terma & Dasar ini, Jabatan Etika & Pendidikan akan menjalankan penyiasatan terhadap tuduhan kelakuan tersebut. USANA merizabkan hak untuk menahan bonus, komisen, atau ganjaran lain semasa menunggu siasatan. Hasil siasatan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Etika untuk membuat keputusan. Sekiranya setelah semakan penyiasatan, Jawatankuasa Etika menganggap wajar untuk mengambil tindakan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penamatan Perjanjian Pengedar, Jabatan Etika & Pendidikan akan memaklumkan Pengedar mengenai keputusannya. Sebarang notis bertulis boleh dikeluarkan dalam mana-mana bentuk komersial yang munasabah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, e-mel yang dihantar ke alamat e-mel Pengedar yang ada pada Syarikat.

44. PEMATUHAN

Pelanggaran Perjanjian, sebarang perlakuan perniagaan yang menyalahi undang-undang, berbentuk penipuan, bersifat memperdaya atau tidak beretika, atau sebarang tindakan atau ketinggalan oleh Pengedar yang menurut Syarikat dipercayai boleh merosakkan reputasi atau nama baiknya, boleh mengakibatkan penamatan, penggantungan, dan/atau sebarang tindakan lain yang wajar untuk menangani salah laku tersebut.

45. PROSES RAYUAN

Pengedar atau bekas Pengedar boleh membuat rayuan keputusan Jawatankuasa Etika kepada Jawatankuasa Rayuan Etika USANA. Rayuan Pengedar mestilah secara bertulis dan mestilah diterima oleh Jabatan Etika & Pendidikan.

Sekiranya Pengedar memfailkan rayuan, ia akan disemak oleh Jabatan Etika & Pendidikan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Rayuan Etika. Jawatankuasa Rayuan Etika akan menyemak keputusan oleh Jawatankuasa Etika dan memberitahu Pengedar mengenai keputusannya. Keputusan Jawatankuasa Rayuan Etika ini adalah muktamad. Sebelum meneruskan mana-mana prosiding penyelesaian pertikaian, Pengedar mestilah menghabiskan semua proses rayuan USANA.

46. KESAN PENAMATAN

Berikutan tarikh kuat kuasa penamatan Perniagaan Pengedar atas apa-apa sebab, bekas Pengedar tidak akan mempunyai hak, pemilikan, tuntutan, atau kepentingan ke atas Perniagaannya yang terdahulu, ke atas Pasukan yang pernah dikendalikan olehnya, atau sebarang bonus dan/atau komisen daripada penjualan yang dihasilkan oleh bekas Pasukannya. Berikutan penamatan Pengedar atas apa-apa sebab, bekas Pengedar tidak boleh menyatakan dirinya sebagai Pengedar USANA, tidak berhak menjual Produk atau perkhidmatan USANA, mesti mengeluarkan sebarang tanda USANA daripada pandangan umum, dan mesti berhenti menggunakan sebarang bahan lain yang mengandungi mana-mana logo, cap dagangan, atau cap perkhidmatan USANA. Pengedar yang secara sukarela menamatkan Perjanjiannya akan menerima komisen dan bonus hanya untuk minggu kalendar penuh terakhir sebelum penamatannya.

Pengedar yang Perjanjiannya tanpa sukarela ditamatkan oleh USANA akan menerima komisen dan bonus hanya untuk minggu kalendar penuh terakhir sebelum penamatan. Walau bagaimanapun, jika wang ditahan disebabkan oleh penyiasatan, Pengedar tidak berhak menerima wang tersebut tanpa mengira sama ada penamatan itu dilakukan secara sukarela atau tidak. Pengedar tidak mempunyai hak lain untuk menerima komisen atau bonus berikutan penamatan.

47. PERLINDUNGAN MAKLUMAT SULIT

Maklumat Sulit USANA merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, senarai Pengedar dan/atau Pelanggan yang disenggara oleh USANA dan semua maklumat rahsia dagangan yang mungkin dimiliki oleh Pengedar atau data yang termasuk dalam Laporan Genealogi. Seorang Pengedar tidak boleh menggunakan Maklumat Sulit USANA untuk sebarang tujuan selain untuk membangunkan Perniagaannya. Untuk melindungi integriti jenama dan harta intelek USANA, Pengedar tidak akan, atas nama Pengedar sendiri atau bagi pihak mana-mana pihak ketiga:

- Mendedahkan Maklumat Sulit kepada mana-mana pihak ketiga; atau
- Menggunakan laporan, atau maklumat yang terdapat dalam laporan, untuk mana-mana tujuan selain untuk membangunkan atau mengendalikan Perniagaan Pengedar.

Peruntukan ini akan kekal selepas penamatan atau tamatnya tempoh Perjanjian Pengedar.

48. TANGGUNGAN RUGI

Pengedar bersetuju untuk menanggung rugi USANA berkenaan dengan sebarang tuntutan, ganti rugi, kerugian, denda, penalti, penghakiman, penyelesaian, atau perbelanjaan lain, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran guaman USANA yang munasabah, yang timbul akibat sebarang pelanggaran, ketaklaksanaan, penipuan, kecuaiian atau salah laku sengaja oleh Pengedar terhadap Perjanjian, dan berkenaan dengan tuntutan pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana Pengedar, Baris Bawahan, Pelanggan atau Pelanggan Pilihan yang telah Direkrut dan Ditaja olehnya, atau yang mempunyai sebarang hubungan dengan Perniagaannya), penyalahgunaan Produk, atau pelanggaran undang-undang, dan sebarang tindakan atau pengabaian lain yang berlaku dalam tempoh dan skop dia menjalankan Perniagaannya. Peruntukan seksyen ini kekal selepas penamatan Perjanjian.

49. PINDAAN

USANA boleh, atas budi bicaranya, yang mesti digunakan dengan wajar dan dengan niat baik, dari semasa ke semasa meminda Perjanjian, termasuk, tanpa had, Terma & Dasar ini. Pindaan akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas notis mengenai pindaan tersebut dipaparkan di The Hub. Komunikasi e-mel juga akan dihantar ke alamat e-mel Pengedar yang ada dalam fail. Kecuali dinyatakan yang sebaliknya dalam Perjanjian Penyelesaian Pertikaian yang terkandung dalam Seksyen 65, Pengedar setuju bahawa tiga puluh (30) hari selepas notis tersebut, mana-mana pengubahsuaian akan berkuat kuasa dan secara automatik dimasukkan ke dalam Perjanjian sebagai peruntukan yang efektif dan mengikat. Seorang Pengedar boleh menarik diri daripada sebarang pindaan yang dicadangkan dengan menamatkan Perjanjiannya sebelum tarikh kuat kuasa pindaan yang dicadangkan itu. Penyertaan berterusan Pengedar dalam Peluang Perniagaan pada atau selepas tarikh kuat kuasa sebarang pindaan menandakan penerimaan terhadap Perjanjian yang dipinda. Kecuali jika dipersetujui secara nyata oleh Pengedar, pindaan tidak akan retroaktif bagi pengendalian yang berlaku sebelum tarikh kuat kuasa pindaan tersebut.

50. ANDAIAN RISIKO

Pengedar memahami bahawa semasa dalam perjalanan ke atau dari mesyuarat, acara, aktiviti, bengkel, wacana harmoni, atau perjumpaan yang berkaitan dengan Syarikat, dia bertindak sebagai sebahagian daripada perniagaan bebasnya sendiri dan bukan sebagai seorang pekerja, ejen, atau pegawai Syarikat, walaupun kehadirannya adalah berdasarkan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh undangan daripada, atau persetujuan dengan Syarikat untuk hadir. Dia menanggung semua

risiko dan tanggungjawab untuk perjalanan tersebut.

51. PENEPIAN PERUBAHAN PENAJAAN

Sekiranya seorang Pengedar menukar Penajanya secara tidak wajar, USANA mempunyai hak tunggal dan eksklusif untuk menentukan pelupusan Pasukan yang dibangunkan oleh Pengedar dalam barisan kedua Penajaannya. **PENGEDAR MENGETEPIKAN MANA-MANA DAN SEMUA TUNTUTAN TERHADAP USANA DAN PIHAK YANG BERKAITAN DENGANNYA BERHUBUNG DENGAN ATAU YANG TIMBUL DARIPADA KEPUTUSAN USANA BERKENAAN PELUPUSAN MANA-MANA PASUKAN YANG DITUBUHKAN DI BAWAH PENGEDAR YANG TELAH MENUKAR PENAJANYA SECARA TIDAK WAJAR.**

52. PERJANJIAN BERSEPADU

Perjanjian ini adalah pernyataan terakhir persefahaman dan persetujuan antara Pengedar dan Syarikat (secara kolektif disebut “Pihak-Pihak”) mengenai semua perkara yang disentuh dalam Perjanjian ini dan menggantikan semua persetujuan persefahaman terdahulu dan serentak (baik secara lisan mahupun bertulis) antara Pihak-Pihak. Perjanjian ini mentaksahkan semua nota, memorandum, demonstrasi, perbincangan, dan keterangan sebelum ini yang berkaitan dengan isi Perjanjian. Perjanjian tidak boleh diubah atau dipinda kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini. Kewujudan Perjanjian ini tidak boleh disangkal oleh bukti tentang sebarang perjanjian serentak yang didakwa berlaku sebelum ini sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis. Sekiranya terdapat sebarang perselisihan antara terma Perjanjian dan pernyataan lisan yang dibuat kepada Pengedar oleh mana-mana pekerja Syarikat atau Pengedar lain, terma bertulis nyata dan keperluan Perjanjian akan mengatasi.

53. FORCE MAJEURE

USANA tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan dan kegagalan dalam melaksanakan sebarang kewajibannya di bawah Perjanjian ini yang disebabkan keadaan di luar kawalan yang munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada takdir Tuhan, banjir, kebakaran, perang, rusuhan, kekecohan awam, malapetaka semula jadi, wabak, pandemik, bencana alam, kuarantin, mogok, tindakan kerajaan, perubahan undang-undang, atau sebarang kejadian luar biasa di luar kawalan munasabah USANA.

54. PEMISAHAN

Sekiranya sebarang peruntukan Perjanjian seperti yang wujud ketika ini atau sebagaimana yang telah dipinda didapati tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak dapat dikuatkuasakan atas apa-apa alasan sekalipun, peruntukan tersebut hendaklah diperbaharui hanya sejauh yang diperlukan supaya boleh dikuatkuasakan, dan jika tidak dapat diperbaharui, hanya peruntukan yang tidak sah akan terputus daripada

Perjanjian; terma dan peruntukan yang tinggal akan tetap berkuatkuasa dan berkesan dan akan diertikan seolah-olah peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang, atau yang tidak dapat dikuatkuasakan tidak pernah menjadi sebahagian daripada Perjanjian.

55. KEBERTERUSAN

Peruntukan Perjanjian ini yang digariskan dalam Seksyen 20, 31, 32, 48, 49, 65, dan sebarang remedi bagi perlanggarannya, akan kekal selepas penamatan atau tamatnya tempoh Perjanjian ini.

56. PENEPIAN

Sebarang kegagalan di pihak USANA dalam menjalankan, dan sebarang kelewatan dalam menjalankan, mana-mana hak atau remedi di bawah Perjanjian ini tidak akan dikira sebagai penepian, maka oleh yang demikian; mana-mana penepian tunggal atau separa terhadap pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian tidak berfungsi sebagai atau ditafsirkan sebagai penepian mana-mana pelanggaran berikutnya; begitu juga mana-mana penggunaan tunggal atau separa apa sahaja hak atau remedi Perjanjian ini tidak akan menghalang sebarang penggunaan lain atau selanjutnya atau penggunaan sebarang hak atau remedi lain yang diberikan dengan ini atau oleh undang-undang. Pengetahuan atau “acquiescence” oleh USANA mengenai sebarang pelanggaran mana-mana peruntukan di sini tidak akan berfungsi sebagai penepian peruntukan tersebut. Walau apa pun pengetahuan atau “acquiescence” tersebut, USANA berhak untuk menggunakan haknya di bawah Perjanjian ini dan meminta pelaksanaan yang ketat oleh Pengedar terhadap terma dan syarat di dalam ini. Hanya dalam keadaan yang jarang berlaku, dasar akan diketepikan, dan penepian tersebut mesti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai USANA yang diberi kuasa. Penepian hanya akan terpakai untuk kes tertentu tersebut.

57. TIADA PERGANTUNGAN

Pengedar harus mendapatkan nasihat profesional mereka sendiri (undang-undang, kewangan, cukai, dll.) yang berkaitan dengan Perniagaan mereka; USANA tidak menyediakan nasihat profesional untuk Pengedar.

58. TAJUK

Tajuk kepada Terma & Dasar ini untuk tujuan rujukan sahaja dan hendaklah tidak diberi kesan substantif.

59. TERJEMAHAN

Sekiranya terdapat perselisihan antara Terma & Dasar dan Perjanjian versi Bahasa Inggeris dan mana-mana terjemahannya, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain.

60. ISTILAH DENGAN HURUF BESAR

Semua istilah dengan huruf besar yang digunakan di sini dan tidak ditakrifkan dalam Terma & Dasar

ini akan dikemukakan maksudnya dalam Pelan Ganjaran.

61. MASA MENJADI ASAS

Masa di mana-mana sahaja disebutkan adalah asas Perjanjian ini.

62. PEMESANAN

KAEDAH PEMESANAN

Pengedar boleh membuat pesanan melalui telefon, faks, surat, e-mel, melalui Internet, atau melalui Program Pesanan Auto. Semasa membuat pesanan melalui telefon - bersedialah untuk memberikan semua maklumat yang diminta pada Borang Pesanan Produk Pengedar. Pembayaran mestilah dibuat dengan kad kredit atau Debit Bank Langsung (jika sudah ada dalam fail.)

- Semasa membuat pesanan melalui faks - cetak maklumat dengan jelas pada borang pesanan dan gunakan salinan putih untuk faks. Pembayaran boleh dibuat dengan kad kredit atau Debit Bank Langsung (jika sudah ada dalam fail.)
- Semasa membuat pesanan melalui mel - hantarkan borang pesanan putih yang lengkap ke pejabat UHS Essential Health (M) Sdn Bhd di Kuala Lumpur. Simpan salinan borang pesanan untuk rekod anda. Pembayaran boleh dibuat dengan kad kredit atau Debit Bank Langsung (jika sudah ada dalam fail.)

PROGRAM PESANAN AUTO

Pengedar dan Pelanggan Pilihan yang mempunyai rekod baik boleh mengambil bahagian dalam Program Pesanan Auto USANA. Pengedar boleh mendaftar dalam program ini melalui Permohonan dan Perjanjian Pengedar mereka atau dengan melengkapkan Perjanjian Pesanan Auto Pengedar, mengenal pasti produk yang mereka ingin pesan setiap tempoh pusingan empat minggu. Kad kredit atau akaun bank yang mereka benarkan untuk pembayaran akan dicaj secara automatik mengikut jumlah pesanan dan cukai penghantaran dan jualan yang terpakai. Pengedar mestilah memastikan bahawa mereka mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun mereka seminggu sebelum pemprosesan pesanan Auto mereka.

DASAR PESANAN UMUM

Untuk pesanan melalui surat dengan pembayaran yang tidak betul atau tidak sah, USANA akan cuba menghubungi Pengedar melalui telefon dan/atau surat bagi mendapatkan bayaran. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berjaya selepas lima hari bekerja, pesanan akan dikembalikan tanpa diproses. Tiada pesanan C.O.D. akan diterima. USANA mengekalkan tiada syarat pesanan minimum. Pesanan untuk produk dan alat bantu jualan boleh digabungkan.

MEMBELI PRODUK USANA

Setiap Pengedar mestilah membeli produknya secara langsung daripada USANA untuk

mendapat kredit volum jualan yang berkaitan dengan pembelian tersebut.

DASAR PESANAN TERTANGGUH

Sebagai peraturan umum, USANA tidak akan membuat pesanan tertangguh bagi item yang kehabisan stok. Walau bagaimanapun, USANA boleh membuat pesanan tertangguh item Pesanan Auto, jika perlu.

PERCANGGAHAN PENGHANTARAN

Kegagalan untuk memaklumkan USANA mengenai percanggahan atau kerosakan penghantaran dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan produk akan membatalkan hak Pengedar untuk meminta pembetulan. Ikuti prosedur untuk membetulkan percanggahan penghantaran yang dinyatakan.

63. PEMBAYARAN DAN PENGHANTARAN

KAEDAH PEMBAYARAN

Semua borang dan kebenaran mestilah disertakan dengan tandatangan Pengedar.

KAD KREDIT

USANA menerima VISA dan Mastercard. Sekiranya caj ditolak, pesanan tidak akan diterima. Menggunakan kad kredit orang lain tanpa kebenaran nyata dan bertulis mereka adalah dilarang dan boleh menjadi sebab pembatalan tidak sukarela seseorang pengedar.

DEBIT LANGSUNG

Pengedar yang mempunyai akaun bank dengan bank gabungan MEPS boleh memilih untuk membayar pesanan mereka melalui Debit Langsung ke akaun bank mereka. Untuk berbuat demikian, Pengedar perlu melengkapkan Borang Kebenaran Debit Langsung dan menyerahkannya kepada USANA. Ia mungkin mengambil masa tiga hingga empat minggu untuk proses Debit Langsung diluluskan.

PEMBAYARAN TUNAI DALAM TALIAN (2C2P)

Pengedar boleh menggunakan pembayaran tunai dalam talian yang tersedia untuk membayar pesanan mereka. Semasa pembayaran dalam talian, Pengedar atau Pelanggan boleh memilih kaedah pembayaran 2C2P, dan pada masa itu pautan akan dihantar ke akaun e-mel pembeli yang tertera pada fail untuk menyelesaikan pembayaran.

DANA TIDAK MENCUKUPI DAN KREDIT YANG DITOLAK ATAU DIPERTIKAIKAN

Semua pemindahan dana elektronik yang dikembalikan tanpa dibayar oleh bank akan dikenakan caj RM20.00. Sebarang baki hutang USANA akan ditolak daripada komisen atau cek bonus seterusnya. Kegagalan menyelesaikan sebarang baki hutang USANA boleh mengakibatkan pembatalan pengedaran tidak sukarela.

PROGRAM PESANAN AUTO

Selepas dimulakan, program ini akan kekal berjalan sehingga pembatalan bertulis diterima di pejabat USANA. USANA mestilah menerima sebarang perubahan atau penamatan menjelang penutup hari bekerja pada hari Jumaat minggu sebelum pesanan diproses. Penyertaan dalam Program Pesanan Auto adalah pilihan semata-mata dan tidak melepaskan Pengedar daripada pematuan terhadap keperluan jualan runcit atau pematuan terhadap peraturan jualan semula tujuh puluh peratus (70%).

64. DATA PERIBADI DAN HAK PRIVASI

DATA PERIBADI PENGEDAR

USANA Health Sciences, Inc., sebuah syarikat Utah, dan USANA (secara kolektif “UHS”) adalah pengawal data dan bertanggungjawab atas data peribadi Pengedar.

BAGAIMANA DATA PERIBADI PENGEDAR DIKUMPULKAN?

UHS akan mengumpulkan data peribadi tertentu Pengedar (yang merupakan maklumat yang berkaitan dengan Pengedar dan dari mana Pengedar dapat dikenal pasti secara langsung atau tidak langsung) melalui saluran UHS yang diluluskan termasuk platform dalam talian UHS, komunikasi elektronik, dan bahan rasmi UHS yang diberikan kepada Pengedar.

DATA PERIBADI MANAKAH YANG DIKUMPULKAN OLEH UHS?

UHS boleh mengumpulkan data peribadi yang berbeza yang dikategorikan seperti berikut:

- Data Identiti merangkumi nama pertama, nama tengah, nama keluarga sebelum berkahwin, nama keluarga, nama pengguna atau pengenal yang serupa, status perkahwinan, gelaran, tarikh lahir, tempat lahir, negara kewarganegaraan, bahasa pertama, umur, pendapatan, dan jantina.
- Data Perhubungan merangkumi alamat bil, alamat penghantaran, alamat e-mel dan nombor telefon.
- Data Kewangan merangkumi butiran akaun bank dan kad pembayaran.
- Data Transaksi merangkumi butiran mengenai pembayaran kepada dan daripada Pengedar dan butiran lain mengenai produk dan perkhidmatan yang telah dibeli oleh Pengedar daripada UHS.
- Data Teknikal merangkumi alamat protokol Internet (IP), data log masuk Pengedar, jenis dan versi pelayar, tetapan dan lokasi zon waktu, jenis dan versi pemalam pelayar, sistem operasi dan platform dan teknologi lain pada peranti yang digunakan oleh Pengedar untuk mengakses tapak web UHS dan perkhidmatan dalam talian yang lain.
- Data Profil merangkumi nama pengguna dan kata laluan Pengedar, minat Pengedar, keutamaan, maklum balas, dan respons tinjauan.

- Data Penggunaan merangkumi maklumat mengenai bagaimana Pengedar menggunakan laman web, produk, dan perkhidmatan UHS.
- Data Pemasaran dan Komunikasi merangkumi keutamaan Pengedar dalam menerima pemasaran daripada UHS dan pihak ketiga dan keutamaan komunikasi Pengedar.

BAGAIMANA UHS MENGGUNAKAN DATA PERIBADI PENGEDAR?

UHS boleh memproses data peribadi Pengedar untuk tujuan yang diperlukan dalam pelaksanaan kontraknya dengan Pengedar, termasuk Perjanjian Pengedar ini, mana-mana kontrak sampingan kepada Perjanjian Pengedar ini, dan mana-mana kontrak untuk pembekalan produk atau perkhidmatan, dan untuk mematuhi tanggungjawab perundanganannya. Ini termasuk memproses butiran Pengedar untuk tujuan pesanan dan pentadbiran umum termasuk kelayakan dan pembayaran di bawah Pelan Ganjaran.

UHS boleh memproses data peribadi Pengedar untuk tujuan kepentingan sahnya sendiri dengan syarat kepentingan tersebut tidak mengatasi hak privasi Pengedar. Ini termasuk pemprosesan untuk pemasaran, penciptaan perniagaan, dan pembangunan, statistik, dan tujuan pengurusan termasuk analisis dan pengesanan transaksi dan penciptaan profil pemasaran untuk membolehkan UHS melayani Pengedar dengan lebih baik.

UHS boleh memproses data peribadi Pengedar untuk tujuan tambahan tertentu dengan kebenaran Pengedar.

UHS boleh memproses data peribadi untuk lebih daripada satu alasan yang sah bergantung pada tujuan tertentu UHS menggunakan data tersebut.

TUJUAN UHS MENGGUNAKAN DATA PERIBADI PENGEDAR

Sekiranya dibenarkan di sisi undang-undang, UHS boleh menggunakan data peribadi Pengedar untuk tujuan berikut:

- Memproses permohonan Pengedar;
- Memproses, memenuhi, dan memaklumkan Pengedar mengenai status pesanan produk Pengedar;
- Membangunkan laporan genealogi Baris Bawahan atau laporan perniagaan lain yang berkaitan;
- Memberikan perkhidmatan Pengedar seperti merancang dan memudahkan cara mesyuarat dan latihan;
- Menyalurkan faedah Pengedar;
- Membangunkan dan melaksanakan dasar, pelan pemasaran, dan strategi;
- Menerbitkan maklumat peribadi dalam buletin UHS, bahan promosi, dan komunikasi dalam syarikat dan kumpulan;

- Memberikan rujukan;
- Mematuhi undang-undang dan keperluan kawal selia yang terpakai dan membantu sebarang siasatan kerajaan atau polis; dan
- Tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana perkara di atas.

UHS menggunakan Data Kewangan Pengedar untuk tujuan pengebilan dan mengelakkan penipuan.

PERKONGSIAN DATA PERIBADI PENGEDAR

UHS boleh, bagi tujuan yang dinyatakan untuk ia menggunakan data peribadi Pengedar, jika dibenarkan oleh undang-undang, berkongsi data peribadi Pengedar dengan pihak ketiga berikut:

- Pegawai UHS dan syarikat gabungannya yang perlu mengakses maklumat peribadi Pengedar dalam melaksanakan tanggungjawab mereka;
- Mana-mana ejen, kontraktor, pembekal, vendor, atau pihak ketiga yang menyediakan penghantaran, pemprosesan pembayaran, alat web, pencegahan penipuan, pentadbiran, pemasaran, promosi, percetakan, atau perkhidmatan lain kepada UHS atau syarikat gabungannya, termasuk pusat pengedaran, juruaudit, pengamal perubatan, pemegang amanah, syarikat insurans, dan aktuari;
- Penaja dan pemimpin perniagaan Baris Atasan yang mungkin memerlukan akses kepada maklumat peribadi Pengedar Baris Bawahan untuk memantau aktiviti jualan dan pembangunan perniagaan dalam kumpulan jualan peribadi mereka;
- Mana-mana agensi kerajaan atau pihak berkuasa pemerintah, polis, atau pengawal selia lain yang sesuai untuk memenuhi keperluan keselamatan dan kawal selia undang-undang;
- Mana-mana penasihat profesional termasuk peguam, pegawai bank, juruaudit, dan pembekal insurans yang memberikan perkhidmatan perundangan, perbankan, undang-undang, insurans, dan perakaunan kepada UHS; dan
- Mana-mana perunding/ejen yang dilantik oleh UHS atau syarikat gabungannya untuk merancang, menyediakan, dan/atau menyalurkan faedah Pengedar.

UHS boleh mendedahkan mana-mana maklumat termasuk data peribadi kepada pihak ketiga disebabkan oleh atau sebagai persediaan untuk penjualan, penggabungan, penyatuan, perubahan kawalan, pemindahan aset besar, penyusunan semula, atau pembubaran UHS. Sekiranya ini berlaku, UHS akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan keselamatan data peribadi yang berterusan sesuai dengan Dasar Privasi ini dan Perundangan Perlindungan Data. Sekiranya perubahan berlaku pada perniagaan UHS, pemilik baharu boleh menggunakan data peribadi Pengedar dengan cara yang sama seperti yang ditetapkan dalam Dasar Privasi ini.

PEMINDAHAN ANTARABANGSA

Maklumat Peribadi Pengedar boleh disimpan dan diproses di mana-mana negara tempat UHS beroperasi. USANA Health Sciences, Inc. berpusat di AS, dan data peribadi Pengedar akan dipindahkan ke dan diproses di AS.

KESELAMATAN DATA

UHS telah menerapkan langkah-langkah keselamatan yang sesuai bagi risiko data peribadi hilang, digunakan, atau diakses tanpa kebenaran, diubah atau didedahkan. UHS mengehadkan akses terhadap data peribadi Pengedar kepada pihak yang mempunyai keperluan perniagaan. Mereka hanya akan memproses data peribadi Pengedar berdasarkan arahan UHS, dan mereka tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan. UHS juga telah menerapkan prosedur untuk menangani sebarang pelanggaran data peribadi yang disyaki dan akan memaklumkan Pengedar dan mana-mana pengawal selia yang berkaitan tentang pelanggaran tersebut di mana UHS diperlukan di sisi undang-undang untuk berbuat sedemikian.

PENGEKALAN DATA

UHS hanya akan menyimpan data peribadi Pengedar selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulannya yang mana tempoh penyimpanan ditentukan oleh sifat dan jangka masa hubungan Pengedar dengan UHS.

Untuk menentukan tempoh penyimpanan data peribadi yang sesuai, UHS mempertimbangkan jumlah, sifat, dan kepekaan data peribadi, potensi risiko bahaya akibat penggunaan atau pendedahan data peribadi Pengedar yang tidak dibenarkan, tujuan UHS memproses data peribadi Pengedar dan sama ada UHS dapat mencapai tujuan tersebut dengan cara lain, serta keperluan undang-undang yang terpakai.

Dalam beberapa keadaan, UHS boleh menganonimkan atau menyamarkan data peribadi supaya tidak lagi dapat dikaitkan dengan Pengedar, dalam hal ini UHS boleh menggunakan maklumat tersebut tanpa notis lanjut kepada Pengedar.

HAK UNDANG-UNDANG PENGEDAR

Bergantung kepada negara tempat tinggal Pengedar, Pengedar mempunyai hak undang-undang tertentu berkenaan dengan data peribadi Pengedar.

Sekiranya Pengedar ingin menerima maklumat lanjut atau melaksanakan mana-mana hak termasuk hak untuk membantah pemprosesan data peribadi mereka atau menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi mereka, sila klik di sini atau hubungi USANA di dataprivacy@usanainc.com.

DATA PERIBADI PELANGGAN DAN PENGEDAR LAIN

Pengedar bersetuju bahawa di mana, semasa menjalankan Perniagaan USANA, Pengedar

mengumpulkan dan/atau memproses data peribadi Pelanggan atau pihak ketiga lain termasuk Pengedar lain ("Data Peribadi Pihak Ketiga") maka Pengedar akan memproses data peribadi tersebut sebagai pemproses data bagi pihak USANA sebagai data yang bertanggungjawab dari segi undang-undang perlindungan data yang terpakai, dan akan melakukannya hanya untuk tujuan dan hanya dengan cara yang ditetapkan dalam, dan sebaliknya hanya sesuai dengan, Terma & Dasar ini (yang merupakan arahan bertulis daripada UHS sebagai pengawal data) kecuali Pengedar dikehendaki memproses mana-mana Data Peribadi Pihak Ketiga di bawah undang-undang perlindungan data yang terpakai.

Pengedar hanya boleh memproses Data Peribadi Pihak Ketiga yang telah dikumpulkan melalui saluran atau bahan USANA yang diluluskan (seperti borang Pelanggan) yang diberikan kepada Pengedar. Pengedar hanya boleh memproses Data Peribadi Pihak Ketiga untuk tujuan pembangunan dan pengendalian Perniagaan USANA Pengedar termasuk melaksanakan sebarang kontrak dengan pihak ketiga yang relevan, sejajar dengan notis privasi yang diberikan kepada pihak ketiga tersebut dalam bentuk yang terkandung dalam Bahan Rasmi USANA.

Pengedar akan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang sesuai telah siap disediakan, dikaji semula dan diluluskan oleh USANA, untuk melindungi terhadap risiko pemprosesan Data Peribadi Pihak Ketiga yang tidak dibenarkan atau yang menyalahi undang-undang dan terhadap kehilangan atau pemusnahan atau kerosakan pada data peribadi tersebut secara tidak sengaja. Pengedar akan memaklumkan USANA secepat mungkin dan dalam sebarang keadaan dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas menyedari berlaku pelanggaran data yang melibatkan Data Peribadi Pihak Ketiga dan akan membantu USANA dalam memberi respons terhadap sebarang pelanggaran data, sebarang permintaan daripada subjek data termasuk pelaksanaan hak subjek data, dan dalam menunjukkan kepatuhan terhadap undang-undang perlindungan data yang terpakai. Pengedar akan menyenggara rekod aktiviti pemprosesannya dalam bentuk yang disediakan oleh USANA.

Pengedar tidak boleh memindahkan mana-mana Data Peribadi Pihak Ketiga keluar dari negara tempat tinggal Pengedar selain daripada memuat naik untuk penyimpanan di pelayan selamat USANA sendiri. Pengedar tidak boleh melantik mana-mana pemproses pihak ketiga untuk memproses mana-mana Data Peribadi Pihak Ketiga.

Sebagai tambahan kepada peruntukan Dasar Privasi ini dalam Terma & Dasar, skop, sifat, tujuan, dan jangka waktu pemprosesan mana-mana Data Peribadi Pihak Ketiga dan jenis data peribadi yang diproses hendaklah semuanya seperti

yang ditetapkan dalam Dasar Privasi USANA yang diterbitkan di laman webnya, terma-terma yang mana akan menjadi sebahagian daripada arahan bertulis USANA kepada Pengedar sebagai pemproses data.

Sebaik sahaja penamatan Perjanjian Pengedar, Pengedar akan, atas arahan bertulis USANA, menghapuskan mana-mana Data Peribadi Pihak Ketiga kecuali jika diperlukan untuk mengekalkannya di bawah undang-undang perlindungan data yang terpakai.

65. PERJANJIAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

PERUNTUKAN INI MEMPENGARUHI BAGAIMANA SEBARANG KONTROVERSI, TUNTUTAN, ATAU PERTIKAIAN TIDAK KIRA SIFATNYA YANG TIMBUL ANTARA PENGEDAR, PADA SATU PIHAK, DAN USANA DAN/ATAU PIHAK YANG BERKAITAN, PADA PIHAK YANG LAIN, SAMA ADA PERTIKAIAN TERSEBUT ADALAH BERDASARKAN HAK, KEISTIMEWAAN, ATAU KEPENTINGAN YANG DIPERAKUI OLEH ATAU BERDASARKAN STATUT, KONTRAK, "TORT", "COMMON LAW", ATAU SELAINNYA ("PERTIKAIAN"), HENDAKLAH DISELESAIKAN. PIHAK-PIHAK MEMAHAMI DAN MENSETUJUI BAHAWA SEKSYEN 65 INI BERFUNGSI SEBAGAI PERJANJIAN YANG TERPISAH DAN BERBEZA YANG TERPUTUS DARIPADA PERJANJIAN SELEBIHNYA DAN BOLEH DIKUATKUASAKAN TANPA MENGIRA PENGUATKUASAAN MANA-MANA PERUNTUKAN PERJANJIAN LAIN, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA TERMA & DASAR INI. PIHAK-PIHAK SELANJUTNYA MEMAHAMI DAN MENSETUJUI BAHAWA KETIDAKBOLEHKUATKUASAAAN PERJANJIAN PENGEDAR SECARA PENUH ATAU SEBAHAGIAN TIDAK AKAN MENYOKONG DAPATAN BAHAWA PERUNTUKAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN DI SEKSYEN 65 INI TIDAK BOLEH DIKUATKUASAKAN. BALASAN BAGI PERUNTUKAN INI TERMASUK, TANPA HAD, PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK UNTUK MENIMBANG TARA PERTIKAIAN. SEKSYEN 65 INI AKAN KEKAL SELEPAS PENAMATAN PERJANJIAN.

Semua Pertikaian hendaklah diserahkan bagi penyelesaian penimbangtaraan yang mengikat di Kuala Lumpur, Malaysia, mengikut peraturan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC). Peraturan dan prosedur AIAC boleh didapati di <https://www.aiac.world/>. Bagi menggalakkan seluas dan sewajar yang mungkin penyelesaian pertikaian secara baik yang tepat waktu, berkesan, dan dengan cara yang menjimatkan kos, Pihak-Pihak dengan ini mengenepikan hak masing-masing untuk dibicarakan oleh mana-mana mahkamah. Namun, tiada perkara dalam Perjanjian Penyelesaian Pertikaian ini yang dapat menghindari Pengedar daripada membuat tindakan individu untuk mendapatkan wang ganti rugi sebanyak RM5,000 atau kurang (tetapi

tiada pelepasan lain) di mahkamah tuntutan kecil dengan bidang kuasa yang sesuai jika dibenarkan oleh undang-undang ("Pertikaian Mahkamah Tuntutan Kecil"), dengan syarat tindakan tersebut mesti dimulakan tidak lewat daripada satu tahun selepas kontroversi atau tuntutan itu timbul.

Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, timbang tara hendaklah dijalankan secara sulit, dan Pengedar tidak akan mendedahkan kewujudan atau sifat mana-mana tuntutan, pembelaan, atau hujah; mana-mana dokumen, surat-menyurat, pliding, taklimat, barang kes, hujah, testimoni, bukti, atau maklumat yang ditukar atau disampaikan berkaitan dengan mana-mana tuntutan, pembelaan, atau hujah; atau mana-mana keputusan, arahan, atau hasil daripada sebarang tuntutan, pembelaan, atau hujah (secara kolektif dipanggil "Bahan Timbang Tara") kepada mana-mana pihak ketiga, dengan satu-satunya pengecualian iaitu penasihat undang-undang Pengedar, yang mana Pengedar harus memastikan kepatuhannya terhadap terma kerahsiaan ini. Pihak-Pihak bersetuju untuk mengambil semua langkah yang diperlukan bagi melindungi kerahsiaan Bahan Timbang Tara berhubung dengan mana-mana prosiding mahkamah, bersetuju untuk berusaha sebaik dan sewajar mungkin untuk memfail mana-mana prosiding mahkamah yang dibenarkan di sini dan semua dokumen yang mengandungi Maklumat Sulit dimeterai, dan menyetujui kemasukan perintah perlindungan yang bersesuaian melingkungi terma kerahsiaan Perjanjian Pengedar ini. Sebagai tambahan dan meskipun terdapat peraturan AIAC yang disebut di atas, prosedur tertentu akan terpakai berdasarkan jumlah dalam pertikaian. Untuk pertikaian dan tuntutan yang mana jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada \$1,000,000.00 (satu juta dolar) USD, prosedur berikut akan terpakai:

- Timbang tara akan berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh penimbang tara dilantik dan akan berlangsung tidak lebih daripada lima hari bekerja.
- Akan ada seorang penimbang tara yang dipilih daripada panel yang disediakan oleh AIAC, menggunakan peraturan AIAC untuk pemilihan penimbang tara.
- Penimbang tara hendaklah memulakan penemuan yang selaras dengan matlamat timbang tara. Penzahiran dan pendedahan maklumat akan dijalankan di bawah peraturan yang disediakan oleh AIAC untuk mencapai matlamat timbang tara yang biasa, termasuk penyelesaian pertikaian yang menjimatkan kos dan efisien antara pihak terlibat.
- Bahasa timbang tara hendaklah Bahasa Inggeris.

Untuk pertikaian dan tuntutan dimana jumlah yang dipertikaikan adalah sama atau lebih daripada \$1,000,000.00 USD, prosedur berikut akan terpakai:

- Akan ada tiga orang penimbang tara yang dipilih daripada panel yang disediakan oleh AIAC, menggunakan peraturan AIAC untuk pemilihan penimbang tara. Bahasa timbang tara hendaklah Bahasa Inggeris.

Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, penimbang tara tidak mempunyai kuasa untuk menganugerahkan ganti rugi punitif, ganti rugi tidak langsung, ganti rugi berbangkit, ganti rugi khas, atau ganti rugi atau hukuman sivil lain yang tidak diukur dengan ganti rugi sebenar Pihak yang menang (kecuali di mana undang-undang atau statut terpakai dengan jelas menyediakan ganti rugi atau hukuman sivil selain daripada ganti rugisebenar), dan tidak boleh, dalam keadaan apa pun, membuat keputusan, dapatan, atau award yang tidak sesuai dengan peruntukan Terma & Dasar atau Perjanjian Pengedar. Penimbang tara atau panel timbang tara mempunyai kuasa untuk menentukan bidang kuasa dan isu-isu kebolehtimbangtaraan sebagai perkara awal, kecuali penimbang tara atau panel timbang tara tidak mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada timbang tara dapat diteruskan bagi pihak atau terhadap satu kelas. Pihak-Pihak memahami dan bersetuju bahawa jika penimbang tara atau panel timbang tara memberikan sebarang pelepasan di luar kuasa yang dinyatakan di sini, mana-mana pihak boleh meminta semakan semula award tersebut dalam bidang kuasa dan tempat eksklusif mahkamah Malaysia.

Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, setiap pihak dalam timbang tara hendaklah bertanggungjawab ke atas kos dan perbelanjaan timbang tara sendiri, termasuk tanpa had fi undang-undang dan pemfailan, walau bagaimanapun, dengan syarat jika bayaran dicari berdasarkan statut atau peraturan yang menetapkan standard yang berbeza untuk penganugerahan fi atau kos, maka statut atau peraturan tersebut akan terpakai. Namun, jika mana-mana ganti rugi yang diputuskan adalah lebih dari USD \$1,000,000 atau setara dengannya, penimbang tara menentukan bahawa Pertikaian itu adalah remeh, penimbang tara wajib menghendaki pihak yang kalah membayar kos dan perbelanjaan timbang tara pihak yang menang, termasuk bayaran dan kos undang-undang, kepakaran, dan pemfailan, sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Sebarang pembicaraan timbang tara di bawah Perjanjian Penyelesaian Pertikaian ini mestilah dimulakan selewat-lewatnya satu tahun selepas kontroversi atau tuntutan itu timbul. Kegagalan untuk memulakan prosiding timbang tara tepat pada masanya menunjukkan bar mutlak terhadap permulaan prosiding timbang tara berkaitan dengan Pertikaian, dan penepian Pertikaian. Pihak-Pihak bersetuju bahawa masa merupakan asas.

Perjanjian Penyelesaian Pertikaian ini akan kekal selepas Penamatan Perjanjian Pengedar atas sebarang alasan.

Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan mengikat pihak tersebut dan boleh, jika perlu, dimasukkan sebagai penghakiman di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten. Walau bagaimanapun, rayuan akan dibenarkan sekiranya sebarang ganti rugi yang dianugerahi adalah lebih tinggi daripada USD \$2,000,000 atau yang setara dengannya. Dalam keadaan seperti itu, peraturan AIAC akan menguasai rayuan tersebut.

Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, rayuan interlokutori tidak dibenarkan ke mana-mana mahkamah, atau mana-mana usul untuk mengosongkan sebarang award penimbang tara yang bukan award akhir yang merupakan penyelesaian timbang tara secara keseluruhan, kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, tiada perkara dalam Perjanjian ini yang dapat menghalang USANA atau Pengedar daripada memohon dan mendapatkan daripada mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa writ penahanan, perintah penahanan sementara, injunksi awal, injunksi kekal, atau pelepasan lain yang tersedia untuk melindungi kepentingan USANA atau Pengedar sebelum, selama, atau setelah memfail sebarang timbang tara atau prosiding lain, atau sementara menunggu keputusan atau award berhubung dengan timbang tara atau prosiding lain.

Bidang kuasa dan tempat bukan eksklusif bagi sebarang perkara yang tidak tertakluk pada timbang tara hendaklah di Mahkamah Malaysia. Pihak mengetepikan sebarang tuntutan yang mana bidang kuasa tersebut adalah forum yang menyusahkan atau tidak sesuai dan memberikan persetujuan kepada proses perkhidmatan undang-undang jika terdapat apa-apa perkara yang timbul dari Perjanjian ini dengan meneruskan salinan proses undang-undang tersebut melalui surat berdaftar prabayar ke alamat terakhir yang diketahui atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan. Untuk mengelakkan keraguan, undang-undang Malaysia, tanpa mempertimbangkan prinsip pilihan undang-undang, akan mengawal selia pertikaian yang melibatkan Perjanjian Pengedar, kecuali yang, sebagaimana yang terpakai, Akta Timbang Tara Malaysia 2005 akan menguasai Perjanjian tersebut tanpa memberi kesan kepada undang-undang mana-mana negeri yang sebaliknya. Pertikaian Mahkamah Tuntutan Kecil tidak akan tertakluk kepada bidang kuasa dan keperluan tempat Seksyen 65 ini. Undang-undang Malaysia, tanpa mempertimbangkan prinsip pilihan undang-undang, akan mengawal selia Pertikaian Mahkamah Tuntutan Kecil.

MESKIPUN TERDAPAT APA-APA DI DALAM INI YANG BERTENTANGAN, SEBARANG PINDAAN OLEH USANA TERHADAP PERJANJIAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN DALAM SEKSYEN 65 INI HANYA AKAN BERKUAT KUASA

BERIKUTAN PERSETUJUAN NYATA PENGEDAR TERHADAP PINDAAN TERSEBUT. PENGEDAR BOLEH MENUNJUKKAN PERSETUJUANNYA TERHADAP PINDAAN YANG DICADANGKAN TERSEBUT DENGAN MENGIKUTI ARAHAN YANG DISERTAKAN BERSAMA PINDAAN YANG DICADANGKAN. USANA MUNGKIN MENAMATKAN PERJANJIAN PENGEDAR DENGAN MANA-MANA PENGEDAR YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN PINDAAN YANG DICADANGKAN KE ATAS PERJANJIAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN DALAM TIGA PULUH (30) HARI SELEPAS PEMBERITAHUAN PINDAAN DIBERIKAN. SEBARANG PINDAAN SEPERTI ITU TERPAKAI KEPADA SEMUA TUNTUTAN YANG DIBAWA OLEH PENGEDAR ATAU USANA PADA ATAU SELEPAS TARIKH BERKUATKUASA PINDAAN, TANPA MENGIRA TENTANG TARIKH KEJADIAN ATAU AKRUAN MANA-MANA FAKTA DI BAWAH TUNTUTAN TERSEBUT.

66. TAKRIFAN

Perjanjian: Kontrak yang mengikat secara sah antara Syarikat dan Pengedar yang terdiri daripada Permohonan Pengedar, Terma & Dasar, dan Pelan Ganjaran.

Alat Jualan: Bahan buatan syarikat, dalam bentuk apa pun, untuk tujuan penjualan Produk, pengambilan, atau latihan Pengedar.

Baris Atasan: Baris langsung Penajaan di atas Pengedar.

Baris Bawahan: Semua Pengedar terletak di bawah Pengedar tertentu dalam barisan penajaan.

Bahan Rasmi USANA: Bahan iklan dan maklumat yang disediakan oleh Syarikat mengenai Produk dan Peluang Perniagaan.

Jualan Langsung: Jualan Langsung, pemasaran rangkaian, atau usaha sama pemasaran pelbagai peringkat.

Kit Pemula: Pilihan bahan latihan Syarikat dan literatur sokongan perniagaan yang dibeli oleh setiap Pengedar baru.

Laporan Genealogi: Laporan yang dihasilkan oleh Syarikat yang menyediakan data hak milik yang berkaitan dengan identiti dan maklumat penjualan Pasukan Pengedar.

Maklumat Sulit: Maklumat yang berkaitan dengan perniagaan USANA yang mungkin diberikan atau tersedia untuk Pengedar, sama ada secara bertulis, elektronik, lisan, atau dalam mana-mana bentuk lain, yang bersifat sulit, hak milk, dan/atau tidak tersedia secara umum untuk orang ramai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, rahsia perdagangan USANA, harta intelek, identiti dan maklumat hubungan Pengedar dan Pelanggan, dan data yang disertakan dalam Laporan Genealogi atau laporan bukan awam lain.

Organisasi Silang Baris: Pendedar yang tidak berada secara langsung di atas atau di bawah anda dalam barisan Penajaan Penempatan anda.

Pasukan: Pasukan Pendedar terdiri daripada semua Pelanggan Pilihan dan Pendedar di bawahnya dalam organisasi penjualan.

Pelan Ganjaran: Pelan khusus yang digunakan oleh Syarikat yang menggariskan perincian dan keperluan struktur ganjaran untuk Pendedar.

Pelanggan: Seseorang yang membeli Produk untuk tujuan penggunaan peribadi dan yang tidak berniat untuk menjual semula Produk kepada mana-mana pihak ketiga.

Pelanggan Pilihan: Individu yang membeli Produk untuk penggunaan peribadi secara langsung dari USANA pada harga diskaun. Pelanggan Pilihan tidak dibenarkan menjual semula produk dan tidak mengambil bahagian dalam Pelan Ganjaran.

Peluang Perniagaan: Aktiviti yang ditentukan oleh Syarikat sebagai promosi Produk atau Pelan Ganjaran Syarikat.

Penaja: Baris Atasan langsung Pendedar.

Pendaftaran (Daftar): Perbuatan mengikatkan hubungan kontrak dengan Syarikat untuk mengendalikan Perniagaan bebas.

Penempatan: Kedudukan Pendedar di Baris Bawah Penajanya.

Pendedar: Kontraktor bebas yang diberi kuasa oleh Syarikat di bawah Perjanjian untuk membeli dan menjual semula Produk kepada Pelanggan, merekrut Pendedar lain, dan menyertai Pelan Ganjaran Syarikat. Hubungan kontrak Pendedar dengan Syarikat dikawal selia oleh Perjanjian.

Harga Pesanan Auto: Sepuluh (10) peratus kurang daripada harga pilihan.

Permohonan (atau "Permohonan Pendedar"): Borang dilengkapkan dan ditandatangani oleh orang yang ingin menandatangani Perjanjian Pendedar dengan Syarikat.

Perniagaan: Akaun yang dibuat semasa sama ada individu atau entiti perniagaan mengikatkan hubungan kontrak dengan Syarikat.

Perjanjian: Kontrak yang mengikat secara sah antara Syarikat dan Pendedar yang terdiri daripada Permohonan Pendedar, Terma & Dasar, dan Pelan Ganjaran.

Pihak-Pihak Berkaitan: Mana-mana dari pegawai, pengarah, pemilik, pekerja, ejen atau entiti gabungan USANA. Pihak-Pihak Berkaitan adalah benefisiari pihak ketiga yang ditujukan dalam Perjanjian ini bagi tujuan Perjanjian yang merujuk secara khusus kepada mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada Perjanjian Penyelesaian Pertikaian dalam Seksyen 65.

Produk: Pendedar produk diberi kuasa untuk memasarkan dan menjual di bawah Perjanjian,

penerangan terperinci yang boleh didapati di The Hub.

Pusat Perniagaan: Pusat aktiviti pembangunan perniagaan Pendedar, melalui mana Produk dibeli dan Volum Jualan dikumpulkan.

Syarikat Jualan Langsung Pesaing: Syarikat Jualan Langsung yang menjual nutrisi tambahan, produk makanan dan tenaga, produk penjagaan kulit, atau sebarang produk kesihatan dan kesejahteraan lain yang serupa dengan atau yang bersaing dengan Produk.

Syarikat Jualan Langsung: Syarikat yang menjual produk atau perkhidmatan secara langsung kepada pengguna melalui tenaga penjualan bebas, dalam persekitaran bukan runcit.

Volum Kumpulan: Volum komisen dari penjualan Produk yang dihasilkan oleh Pasukan Pendedar.

Tempoh Pusingan Empat Minggu: Blok pusingan tempoh bayaran empat kali berturut-turut (empat Jumaat).

The Hub: Perisian "back office" USANA.

USANA atau Syarikat: UHS Essential Health (Malaysia) SDN BHD. (No. Pendaftaran. 200401028896 (667404-V))

Volum Jualan: Mata yang dihasilkan dari penjualan Produk oleh Pendedar.

[illegible]



USANA Health Sciences, Inc.
3838 W. Parkway Boulevard | Salt Lake City, UT 84120

Effective Date: 31/1/2022

CCR-017700 MY_MY 10/2021